



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***PERKAITAN ANTARA PERSEKITARAN RUMAH, AMALAN
PENGAJARAN GURU, KOMPETENSI DAN PENERIMAAN SOSIAL
DENGAN KREATIVITI KANAK-KANAK PRASEKOLAH
DI SELANGOR, MALAYSIA***

NORSITA BINTI ALI

FEM 2018 38



**PERKAITAN ANTARA PERSEKITARAN RUMAH, AMALAN
PENGAJARAN GURU, KOMPETENSI DAN PENERIMAAN SOSIAL
DENGAN KREATIVITI KANAK-KANAK PRASEKOLAH
DI SELANGOR, MALAYSIA**

Oleh

NORSITA BINTI ALI

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

Julai 2018

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sumbernya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia,

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

**PERKAITAN ANTARA PERSEKITARAN RUMAH, AMALAN
PENGAJARAN GURU, KOMPETENSI DAN PENERIMAAN SOSIAL
DENGAN KREATIVITI KANAK-KANAK PRASEKOLAH
DI SELANGOR, MALAYSIA**

Oleh

NORSITA BINTI ALI

Julai 2018

Pengerusi : Zainal bin Madon, PhD
Fakulti : Ekologi Manusia

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji perkaitan antara persekitaran rumah, amalan pengajaran guru, kompetensi diri dan penerimaan sosial dengan kreativiti kanak-kanak prasekolah di negeri Selangor. Seterusnya meneroka halangan-halangan yang dihadapi oleh guru dalam usaha memupuk kreativiti kanak-kanak prasekolah. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan disokong oleh dapatan kualitatif. Sampel kajian kuantitatif terdiri daripada 386 kanak-kanak prasekolah di negeri Selangor yang dipilih dengan menggunakan kaedah persampelan rawak berlapis (*stratified cluster random sampling*). Reka bentuk kajian ini ialah tinjauan dengan menggunakan soal selidik dan ujian kreativiti. Data dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) 20. Hasil kajian menunjukkan tahap kreativiti kanak-kanak adalah sederhana (min=15.85 dan SP=5.67). Hasil analisis Ujian-t menunjukkan tidak terdapat perbezaan kreativiti kanak-kanak prasekolah yang signifikan berdasarkan lokasi dan jantina. Analisis ujian Anova sehala juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan kreativiti yang signifikan berdasarkan tahap pendapatan keluarga serta akademik ibu dan bapa. Analisis korelasi Pearson pula menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan positif antara kreativiti kanak-kanak prasekolah dengan amalan pengajaran guru, persekitaran rumah, kompetensi dan penerimaan sosial. Melalui analisis regresi pelbagai *Stepwise*, didapati bahawa secara signifikan amalan pengajaran guru merupakan penyumbang terbesar kepada kreativiti kanak-kanak; iaitu sebanyak 34.7%. Ini diikuti oleh persekitaran rumah yang menyumbang sebanyak 4.9% dan kompetensi diri sebanyak 2.3%. Kajian kualitatif yang menggunakan reka bentuk kajian kes telah dijalankan dengan menemu bual 12 orang peserta yang terdiri daripada guru prasekolah, ibu dan kanak-kanak prasekolah. Melalui analisis secara tematik terhadap dapatan temu bual, didapati terdapat empat punca utama yang menghalang pemupukan kreativiti kanak-kanak prasekolah iaitu

berpunca daripada guru, ibu bapa, kesediaan kanak-kanak dan halangan fizikal. Kajian ini mencadangkan agar kajian lanjutan dijalankan untuk melihat faktor penyumbang yang lain dalam peningkatan kreativiti kanak-kanak prasekolah. Akhir sekali, kajian ini memberi sumbangan dalam meluaskan badan pengetahuan yang sedia ada dengan menambah sedikit sebanyak informasi berkenaan bidang kreativiti kanak-kanak prasekolah.



Abstract of thesis presented to the Senate of the Universiti Putra Malaysia in
fulfilment of the requirement for the Degree of Doctor of Philosophy

**THE RELATIONSHIP BETWEEN THE HOME ENVIRONMENT,
TEACHER TEACHING PRACTICES, COMPETENCE AND SOCIAL
ACCEPTANCE WITH THE CREATIVITY OF PRESCHOOL CHILDREN
IN SELANGOR, MALAYSIA**

By

NORSITA BINTI ALI

July 2018

Chairman : Zainal Madon, PhD
Faculty : Human Ecology

This study was carried out to evaluate the relationships of home environment, teacher's teaching practices, competency and social acceptance with preschool children's creativity in Selangor, apart from exploring the challenges faced by teachers in their effort to nurture the aspect of creativity amongst preschoolers. This study adopted the quantitative approach and complimented by qualitative data. The quantitative research sampling involved 386 preschoolers in Selangor, who were selected by using stratified cluster random sampling technique. Additionally, a survey using questionnaires and creativity tests was employed as the research design. The retrieved data were analyzed using SPSS 20 software package. The outcomes indicated that the children's creativity level was moderate (mean = 15.85 and SP = 5.67). The t-test analysis displayed insignificant variance for the aspect of creativity amongst the preschoolers based on location and gender. The analysis of one-way Anova also demonstrated insignificant difference in creativity based on family income and parents' academic qualification. In addition, the Pearson correlation analysis revealed a significantly positive correlation between preschoolers' creativity and teachers' teaching practices, home environment, competence and social acceptance. Based on Stepwise's multiple regression analysis, it was discovered that the teacher's teaching practices appeared to be the largest contributor to the children's creativity followed by home environment and competency accounting for 34.7%, 4.9% and 2.3% respectively. The case study approach was selected to gather qualitative data. A total of 12 participants comprising of preschool teachers, mothers and preschoolers were interviewed. Through thematic analysis, four main causes had been identified that prevented the development of preschoolers' creativity, which are teachers, parents, children's readiness, and physical barriers. This study suggests that further investigations should be carried out to identify other factors that may contribute to

the development of preschoolers' creativity. Finally, the research outcomes contribute to the body of knowledge within the arena of preschool children's creativity.



PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang.

Terima kasih tidak terhingga ditujukan kepada Dr. Zainal bin Madon selaku penyelia utama, Profesor Madya Dr. Mariani binti Mansor dan Profesor Madya Dr. Hanina Halimatusaadia binti Hamsan yang banyak memberi bimbingan, tunjuk ajar dan motivasi dalam menyiapkan tesis ini sehingga membuatkan penulisan yang sukar terasa lebih mudah untuk disempurnakan.

Ucapan terima kasih juga dirakamkan buat Guru Besar, Guru Penolong Kanan dan terutamanya guru-guru prasekolah dari SK yang terlibat dan banyak membantu dalam usaha mendapatkan data dan maklumat yang amat berguna. Seterusnya ucapan terima kasih juga dirakamkan kepada Dr. Yuznaili binti Salleh dan rakan-rakan seperjuangan yang terlibat atas segala pertolongan dan bantuan yang diberikan samada dari segi fizikal mahupun moral sehingga penulisan ini berjaya disiapkan. Budi baik, jasa dan kerjasama yang kalian berikan terhadap penulisan ini, mudah-mudahan mendapat rahmat dan keberkatan daripada Allah S.W.T.

Penghargaan juga dikhususkan buat keluarga tersayang terutamanya suami yang amat memahami, En. Roslin bin Mustajab atas pengorbanan serta sokongan yang tidak terhingga sepanjang tempoh pengajian yang sangat mencabar ini. Tidak lupa juga buat anakanda Dr. Nur Aqila binti Roslin yang banyak memberi motivasi dan semangat serta Muhammad Afiq bin Roslin, Muhammmad Taufiq bin Roslin dan Nur Khairina binti Roslin yang sering bertanya “bila PhD mama nak siap, lambat lagi ker?”. Semoga penulisan ini dapat digunakan oleh penyelidik seterusnya demi mengangkat status pendidikan di Malaysia ke peringkat yang lebih tinggi lagi.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Zainal bin Madon, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Mariani binti Mansor, PhD

Profesor Madya
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Hanina Halimatusaadiah binti Hamsan, PhD

Profesor Madya
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siwazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan nota kuliah, modul pembelajaran atau meterial lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/ fabrikasi data dalam tesis ini dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh : _____

Nama dan No. Matrik : Norsita binti Ali, GS 31147

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan: Dr. Zainal bin Madon

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan: Prof. Madya Dr. Mariani binti Mansor

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan: Prof. Madya Dr. Hanina Halimatusaadiah
binti Hamsan

ISI KANDUNGAN

Muka Surat

ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	viii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI SINGKATAN	xvii

BAB

1	PENGENALAN	1
1.1	Latar Belakang Kajian	1
1.2	Penyataan Masalah	5
1.3	Persoalan Kajian	8
1.4	Objektif Kajian	9
1.4.1	Objektif Umum	9
1.4.2	Objektif Khusus	9
1.5	Hipotesis Kajian	10
1.6	Kepentingan Kajian	11
1.6.1	Ibu bapa	11
1.6.2	Guru Prasekolah	11
1.6.3	Kementerian Pendidikan Malaysia	12
1.7	Definisi Istilah Kajian	13
1.7.1	Kreativiti	13
1.7.2	Persekitaran Rumah	13
1.7.3	Amalan Pengajaran Gur	13
1.7.4	Kompetensi Diri dan Penerimaan Sosial	14
1.7.5	Kanak-kanak Prasekolah	14
1.8	Kerangka Teoritik	14
1.8.1	Model Kreativiti Komponential	15
1.8.2	Teori Konstruktivisme	17
1.8.3	Teori Ekologi Manusia	19
1.8.4	Teori Sosial Budaya dan Kognitif Lev Vygotsky	22
1.9	Kerangka Konseptual Kajian	24
1.10	Rumusan Bab	27
2	ULASAN KEPUSTAKAAN	28
2.1	Pendahuluan	28
2.2	Pendidikan Prasekolah	28
2.2.1	Kepentingan Kreativiti dalam Kurikulum Prasekolah	28
2.3	Kreativiti	35
2.3.1	Kreativiti : Konsep dan Definisi	35
2.3.2	Kreativiti Awal Kanak-kanak	43

2.4	Kajian-Kajian Kreativiti	46
2.4.1	Tahap Kreativiti Awal Kanak-kanak	46
2.4.2	Perbezaan Tahap Kreativiti Kanak-kanak Prasekolah Berdasarkan Jantina	49
2.4.3	Kajian Kreativiti dengan Persekitaran Rumah	60
2.4.4	Kajian Kreativiti dengan Guru	64
2.4.5	Kajian Kreativiti dengan Kompetensi Kanak-kanak	73
2.5	Gaps Kajian	78
2.6	Rumusan Bab	79
3	METODOLOGI KAJIAN	81
3.1	Pendahuluan	81
3.2	Reka Bentuk Kajian	81
3.3	Lokasi Kajian	82
3.4	Populasi dan Persampelan	82
3.4.1	Populasi Kajian	83
3.4.2	Persampelan Kajian Kuantitatif	83
3.4.2.1	Penentuan Saiz Sampel Kajian Kuantitatif	83
3.4.2.2	Kaedah Persampelan Kajian Kuantitatif	85
3.4.3	Persampelan Kajian Kualitatif	87
3.4.3.1	Prinsip Pemilihan Peserta Temu Bual	87
3.5	Instrumen dan Alat Kajian	89
3.5.1	Ujian Kreativiti	89
3.5.1.1	Intepretasi Skor Kreativiti	90
3.5.2	Soal Selidik	91
3.5.3	Protokol Temu Bual	93
3.6	Proses Penterjemahan	94
3.7	Kesahan Instrumen	94
3.7.1	Kesahan Instrumen Persekitaran Rumah	95
3.7.2	Kesahan Instrumen Amalan Pengajaran Guru	95
3.7.3	Kesahan Muka	96
3.8	Kajian Rintis	97
3.8.1	Kebolehpercayaan Instrumen dalam Kajian Rintis	98
3.8.2	Kebolehpercayaan Skor Ujian Kreativiti dalam Kajian Rintis	98
3.8.2.1	Kebolehpercayaan antara Pengkaji dan Pemeriksa	99
3.8.3	Kajian Rintis Protokol Temu bual	100
3.9	Prosedur Pengumpulan Data	100
3.9.1	Pengumpulan Data Kuantitatif	101
3.9.1.1	Mengedarkan Borang Soal Selidik	102
3.9.1.2	Pengujian Tahap Kreativiti	102
3.9.2	Pengumpulan Data Kualitatif	103
3.9.2.1	Temu bual	103
3.9.2.2	Kebolehpercayaan Data Kualitatif	104
3.10	Prosedur Penganalisan Data Kuantitatif	107
3.10.1	Analisis Penerokaan Data (EDA)	107
3.10.2	Analisis Deskriptif	109

3.10.2.1	Tahap Kreativiti	109
3.10.2.2	Tahap Persekitaran Rumah	110
3.10.2.3	Tahap Amalan Pengajaran Guru, Kompetensi Diri dan Penerimaan Sosial	110
3.10.3	Analisis Inferensi	111
3.10.3.1	Analisis Ujian-t dan Anova sehalu	111
3.10.3.2	Analisis Korelasi	111
3.10.3.3	Analisis Regresi Linear Pelbagai	112
3.11	Prosedur Penganalisisan Data Kualitatif	113
3.12	Rumusan Bab	114
4	DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN	115
4.1	Pendahuluan	115
4.2	Demografi Kajian	115
4.2.1	Profil Responsden Kajian Kuantitatif	116
4.2.2	Profil Peserta Kajian Kualitatif	118
4.3	Hasil Kajian	119
4.3.1	Objektif Kajian 1	119
4.3.1.1	Tahap Kreativiti Kanak-kanak Prasekolah	120
4.3.1.2	Tahap Persekitaran Rumah	122
4.3.1.3	Tahap Amalan Pengajaran Guru	124
4.3.1.4	Tahap Kompetensi Diri	127
4.3.1.5	Tahap Penerimaan Sosial	128
4.3.2	Objektif Kajian 2	129
4.3.3	Objektif Kajian 3	136
4.3.4	Objektif Kajian 4	142
4.3.5	Objektif Kajian 5	147
4.3.5.1	Halangan Berpunca daripada Guru	148
4.3.5.2	Halangan daripada Ibu Bapa	156
4.3.5.3	Halangan berpunca daripada Kanak-Kanak	160
4.3.5.4	Halangan Fizikal	162
4.4	Rumusan Bab	165
5	RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	166
5.1	Pendahuluan	166
5.2	Ringkasan Kajian	166
5.3	Rumusan Dapatan Kajian	167
5.3.1	Objektif Kajian 1	167
5.3.2	Objektif Kajian 2	167
5.3.3	Objektif Kajian 3	168
5.3.4	Objektif Kajian 4	168
5.3.5	Objektif Kajian 5	168
5.4	Implikasi Kajian	171
5.4.1	Implikasi Teoritikal	171
5.4.2	Implikasi Praktikal	172
5.4.3	Implikasi Empirikal	175
5.5	Batasan Kajian	176
5.6	Cadangan daripada Kajian Ini	176

5.6.1	Cadangan kepada Pentadbir	176
5.6.2	Cadangan Latihan Guru	177
5.6.3	Cadangan kepada Guru	177
5.6.4	Cadangan kepada Ibu bapa	177
5.6.5	Cadangan Kajian Lanjutan	178
5.7	Kesimpulan	178
5.8	Penutup	179
RUJUKAN		180
LAMPIRAN		207
BIODATA PELAJAR		313
SENARAI PENERBITAN		314



SENARAI JADUAL

Jadual	Maka Surat
2.1 Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran dalam KSPK	34
3.1 Bilangan Kanak-kanak Prasekolah di Negeri Selangor	85
3.2 Penerangan Soal Selidik Persekitaran Rumah	92
3.3 Penerangan Soal Selidik Amalan Guru	92
3.4 Penerangan Soal Selidik Kompetensi Diri dan Penerimaan Sosial	93
3.5 Nilai <i>Cronbach Alpha</i> Setiap Instrumen bagi Kajian Rintis	98
3.6 Nilai <i>Cronbach Alpha</i> Instrumen Ujian Kreativiti (TCT-DP) bagi Kajian Rintis	99
3.7 Keputusan Korelasi Skor Kreativiti Kanak-kanak antara Pengkaji dengan Pemeriksa	100
3.8 Skala Normaliti	109
3.9 Tahap Kreativiti Kanak-kanak Prasekolah	110
3.10 Garis Panduan atau <i>Cut off Point</i> bagi Skor Min Pemboleh Ubah Persekitaran Rumah	110
3.11 Garis Panduan atau <i>Cut off Point</i> bagi Skor Min Amalan Pengajaran Guru, Kompetensi Diri dan Penerimaan Sosial	111
3.12 Hubungan/Korelasi (Cohen, 1988)	112
3.13 Dimensi Pemboleh Ubah Bersandar dan Pemboleh Ubah Bebas	112
4.1 Profil Responsden Kajian Kuantitatif	116
4.2 Status Sosiekonomi Keluarga	117
4.3 Profil Responsden Kualitatif	118
4.4 Tahap Kreativiti Kanak-kanak Prasekolah	120
4.5 Tahap Persekitaran Rumah	123
4.6 Tahap Amalan Pengajaran Guru	126
4.7 Tahap Kompetensi Diri	128

4.8	Tahap Penerimaan Sosial	129
4.9	Analisis Ujian-t Perbezaan Min Kreativiti Berdasarkan Lokasi	130
4.10	Analisis Ujian-t Perbezaan Min Kreativiti berdasarkan Jantina	131
4.11	Analisis Ujian Anova Sehala Perbezaan Min Kreativiti mengikut Pendapatan Keluarga	132
4.12	Analisis Ujian Anova Sehala Perbezaan Min Kreativiti mengikut Tahap Pendidikan Ibu	133
4.13	Analisis Ujian Anova Sehala Perbezaan Min Kreativiti mengikut Tahap Pendidikan bapa	135
4.14	Analisis Korelasi Pemboleh Ubah Bebas Kajian dengan Kreativiti Kanak-Kanak Prasekolah	137
4.15	Analisis Korelasi Persekitaran Rumah dengan Kreativiti Kanak-Kanak Prasekolah	138
4.16	Analisis Korelasi Amalan Pengajaran Guru dengan Kreativiti Kanak-Kanak Prasekolah	139
4.17	Analisis Korelasi Kompetensi Diri dengan Kreativiti Kanak-Kanak Prasekolah	141
4.18	Analisis Korelasi Penerimaan Sosial dengan Kreativiti Kanak-kanak Prasekolah	142
4.19	<i>Model Summary</i> Faktor-faktor yang Menyumbang secara Signifikan kepada Kreativiti Kanak-kanak Prasekolah	143
4.20	Nilai <i>Tolerance</i> Statistik Kolineariti	144
4.21	Statistik Nilai Rasidual Piawai	144
4.22	Analisis Ujian Regresi Pelbagai Sumbangan Faktor-faktor terhadap Kreativiti Kanak-kanak Prasekolah	146
5.1	Rumusan Dapatan Kajian	169

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka Surat
1.1 Model Kreativiti Komponential	16
1.2 Teori Sistem Ekologi Bronfenbrenner	19
1.3 Kerangka Konseptual Perkaitan antara Persekitaran Rumah, Amalan Pengajaran Guru, Kompetensi Diri dan Penerimaan Sosial dengan Kreativiti Kanak-Kanak Prasekolah	24
2.1 Kerangka Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (2016)	32
3.1 Prosedur Pemilihan Sampel Kajian	86

SENARAI SINGKATAN

DAP	<i>Developmentally Appropriate Practices</i>
EDA	<i>Exploratory Data Analysis/ Analisis Penerokaan Data</i>
EPRD	<i>The Educational Planning and Research Department/</i> Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
JPM	Jabatan Perangkaan Malaysia
JPNS	Jabatan Pendidikan Negeri Selangor
JSK	Jadual Spesifikasi Konstruk
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KBSM	Kurikulum Baru Sekolah Menengah
KBSR	Kurikulum Baru Sekolah Rendah
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
KPM	Kementerian Pelajaran/ Pendidikan Malaysia
KSPK	Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
LINUS	Literasi dan Numerasi
pdp	Pengajaran dan Pembelajaran
PIPP	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
PPD	Pejabat Pentadbiran Daerah
PPK	Pusat Perkembangan Kurikulum
SPSS	<i>Statistical Package for Social Science</i>
TCT-DP	<i>Test for Creative Thinking-Drawing Production</i>
TTCT	<i>Torrance Test of Creative Thinking/ Ujian Pemikiran</i> Kreatif Torrance

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Kreativiti didefinisikan sebagai kebolehan, tindakan atau pendekatan menghasilkan sesuatu kerja yang baharu (asli), berkualiti tinggi, bersesuaian atau berguna dan memenuhi kekangan sesuatu tugas (Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), 2011a; Sternberg, Lubart, Kufman, & Pretz, 2005). Kreativiti juga sering dikonsepsikan sebagai enjin pembangunan ekonomi, pemangkin kemajuan teknologi, kepimpinan di tempat kerja dan kejayaan hidup yang dapat meningkatkan produktiviti dan taraf hidup manusia (Joo, McLean, & Yang, 2013; Makel & Plucker, 2008). Oleh itu, kajian kreativiti menjadi satu keperluan asas dalam kehidupan seharian manusia (Beghetto, 2007; Burnard & White, 2008; Chávez-Eakle, Eakle, & Cruz-Fuentes, 2012; Fisher, 2013; Hennessey & Amabile, 2010; Kampley, 2010; Miller, Lambert, & Speirs Neumeister, 2012; Joo, McLean, & Yang, 2013; KPM, 2011).

Suatu elemen kreativiti yang perlu ada pada seseorang individu adalah kebolehan berfikir secara kreatif iaitu berkeupayaan untuk menghasilkan idea berharga, tugas baharu dan boleh dilaksanakan, bakat yang unik atau menggunakan imaginasi yang menjadi asas bidang seni, sains, falsafah dan teknologi (Chávez-Eakle et al., 2012; Fisher, 2013; Tareq, 2010; Zabelina & Robinson, 2010). Individu yang kreatif mampu menjana dan mewujudkan sesuatu yang baharu dengan mengubah suai apa yang telah sedia ada malah melangkaui kemungkinan yang akan berlaku pada sesuatu masa atau keadaan (Kaufman & Sternberg, 2007). Individu yang kreatif akan terus maju ke hadapan. Mereka merasa teruja dan seronok ketika meneroka idea-idea baharu serta berani mengambil risiko bahawa apa yang dicipta mungkin tidak berjaya, tidak berharga, atau tidak perlu tanpa merasa bimbang akan kegagalan.

Kemajuan sesebuah negara pula bergantung pada keupayaan masyarakat berfikir secara kreatif, kritis dan inovatif yang menjadi antara satu faktor utama yang memacu tamadun ke hadapan serta merupakan aset negara yang mampu menyumbang ke arah pembangunan agama, masyarakat, bangsa dan negara (Hennessey & Amabile, 2010; Keong, 2011; KPM, 2011). Justeru, untuk menjadi sebuah negara maju yang berpendapatan tinggi, generasi muda di Malaysia perlu melengkapkan diri dengan ilmu, pemikiran kreatif dan inovatif serta nilai murni supaya dapat bersaing di peringkat global. Kreativiti pelajar boleh dikenal pasti dan dibangunkan melalui medium pendidikan yang turut menjadi fokus serta matlamat utama bagi pendidikan rendah kebanyakan negara di seluruh dunia (Kampley, Saariluoma, & Berki, 2011; Rawat, Qazi, & Hamid, 2012; Sharma & Chauhan, 2010).

Oleh itu, kreativiti perlu dipupuk secara formal sejak dari peringkat awal persekolahan kerana kanak-kanak prasekolah merupakan tonggak utama yang akan memajukan negara pada masa hadapan (Chae, 2003; Kim, 2011; KPM, 2016). Ketika berusia enam tahun pertama, perkembangan dan pertumbuhan yang pesat berlaku dalam diri kanak-kanak termasuklah perkembangan fizikal, intelektual, sosial, personaliti dan kreativiti (Dacey, 1989; KPM, 2010; KPM, 2016; Grabner, Fink, & Neubauer, 2007; Sahin & Dostoglu, 2012). Galakan kreativiti dari awal usia merupakan satu jaminan terbaik bagi pertumbuhan harga diri (*self-esteem*) dan saling menghormati iaitu unsur penting bagi pembinaan budaya yang aman dalam persekitaran yang sihat (Irish National Teachers', 2009). Pendidikan pada tahap ini mempunyai impak positif yang besar terhadap aspek sosial dan ekonomi sehingga mereka dewasa (Unit Perancang Ekonomi (UPE), 2012).

Kerajaan melalui KPM memberikan penekanan terhadap pendidikan prasekolah. Ini terbukti apabila kerajaan memperuntukkan perbelanjaan prasekolah dan sekolah rendah yang tinggi bagi tahun 2011 iaitu sebanyak 1.03 billion ringgit berbanding dengan perbelanjaan sekolah menengah (RM795.1 juta) dan untuk aliran teknik dan vokasional (RM29.97 juta) (UPE, 2012). Kerajaan juga telah menjadikan pendidikan prasekolah dan sekolah rendah sebagai keutamaan untuk menerapkan unsur kreativiti dan inovasi (KPM, 2010). Ini adalah kerana pembangunan kreativiti kanak-kanak di sekolah memberikan mereka peluang untuk menyatakan pengetahuan mereka tanpa sebarang halangan. Seterusnya menjadi penyumbang kepada kemajuan kualiti hidup mereka dan masyarakat pada masa akan datang (Al Thani, 2010; Dababneh, Ihmeideh, & Omari, 2010).

Sebahagian besar pengkaji (Al Thani, 2010; Ann Mean, 2008; Chung, 2012; Fisher, 2013; Laura Czarniecki, 2009; Makhmalbaf & Do, 2007; Keong, 2011), bersetuju bahawa setiap orang adalah kreatif dan mempunyai ciri kreativiti secara semulajadi sejak lahir serta mempunyai potensi untuk menjadi kreatif dengan cara tersendiri. Potensi kreatif boleh diajar dan dipertingkatkan melalui pengajaran dan latihan yang konsisten (Fisher, 2013). Kreativiti juga boleh dihalang dan bukannya bersifat tetap (Laura Czarniecki, 2009). Kanak-kanak prasekolah juga mempunyai tahap kreativiti seni dan estetika yang lebih tinggi berbanding dengan kanak-kanak yang lebih tua (Zabelina & Robinson, 2010). Namun, berdasarkan kajian literatur terdapat permasalahan dalam perkembangan dan pemupukan kreativiti dalam kalangan kanak-kanak.

Kreativiti dalam kalangan kanak-kanak tadika di Amerika Syarikat sebagai contoh, semakin menurun dari tahun 1990an hingga 2008 walaupun IQ semakin meningkat (Kim, 2011). Keadaan ini amat membimbangkan kerana kanak-kanak didapati kurang kreatif dari pelbagai aspek iaitu dari aspek tenaga, emosi kreatif, lisan dan fizikal. Anak kecil (*toddler*) di British yang sering bertanya soalan kepada ibu bapa juga hampir tidak bertanya soalan apabila berada di sekolah. Hal ini turut diakui oleh sebahagian besar pengkaji (Engel & Randall, 2009; Lau & Cheung, 2010; Torrance, 1981), yang merumuskan bahawa kanak-kanak sememangnya amat kreatif tetapi

sebaik sahaja mereka mula bersekolah, tahap kreativiti jatuh mendadak. Hasil tinjauan awal Norsita, Zainal, & Hanifah (2015), pula mendapati kanak-kanak prasekolah kurang kreatif kerana mempunyai masalah untuk menceritakan kembali sesuatu yang telah dipelajari, pendiam, tidak boleh membuat hubung kait, meniru kawan dalam sesuatu tugas, tidak mampu menyelesaikan masalah yang diberi dan tiada keyakinan diri.

Hal ini turut ditegaskan oleh KPM, (2010) yang mengatakan bahawa keupayaan kreatif kanak-kanak berkembang dengan subur sekitar usia empat tahun setengah tetapi penurunan yang drastik berlaku apabila mereka memasuki tadika. Mengapakah hal ini berlaku? Usaha untuk menangani permasalahan ini perlu dilakukan berdasarkan kajian empirikal kerana pemikiran kreatif mempunyai nilai masyarakat dan individu yang sangat tinggi. Kanak-kanak yang kurang kreatif ini perlu dibantu supaya mereka tidak tercicir, terbiar atau ketinggalan. Oleh itu, keupayaan kreativiti amat perlu dipupuk dalam kalangan kanak-kanak prasekolah supaya lahir masyarakat kreatif apabila mereka dewasa (Butcher & Niec, 2005; Chan, 2005; Makhmalbaf & Do, 2007).

Penurunan kreativiti dalam kalangan kanak-kanak prasekolah ini berkemungkinan besar dipengaruhi oleh faktor di rumah berbanding dengan sekolah atau kedua-duanya sekali (Kim, 2011; Sharma & Chauhan, 2010). Pendidikan prasekolah merupakan jambatan penghubung antara rumah dengan alam persekolahan (UPE, 2012). Institusi keluarga penting dalam pemupukan kreativiti kanak-kanak sebagai landasan untuk merealisasikan transformasi ke arah negara berpendapatan tinggi (Fearon, Copeland, & Saxon, 2013; UPE, 2010). Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mencari jawapan mengapa berlakunya penurunan kreativiti dalam diri kanak-kanak. Antara faktor-faktor yang akan dikaji dalam kajian ini termasuklah faktor persekitaran rumah, amalan pengajaran guru, kompetensi diri dan penerimaan sosial kanak-kanak itu sendiri (Al Thani, 2010; Chien & Hui, 2010; Dababneh et al., 2010; Farella, 2010; Fisher, 2013; Jindal-Snape, Davies, Collier, Howe, Digby & Hay, 2013; Kamylyis, 2010; Kamylyis, Berki, & Saariluoma, 2009; Kamylyis et al., 2011; Makhmalbaf & Do, 2007).

Guru juga merupakan komponen penting bagi pemupukan kreativiti dan mampu meramalkan perkembangan potensi kreatif kanak-kanak (Al Thani, 2010; Chien & Hui, 2010; Dababneh et al., 2010; Farella, 2010; Jindal-Snape et al., 2013; Kamylyis, 2010; Kamylyis, Berki, & Saariluoma, 2009; Kamylyis et al., 2011). Guru yang menggalakkan kreativiti di dalam kelas, boleh memberi kesan positif kepada motivasi, pencapaian, kreativiti, keyakinan diri dan sikap kanak-kanak terhadap sekolah, seterusnya boleh mempengaruhi kecekapan mereka di kemudian hari (Dababneh et al. 2010; Forrester & Hui, 2007).

Namun, berdasarkan sebahagian kajian literatur, guru gagal memupuk kreativiti dalam kalangan kanak-kanak serta terdapat banyak halangan untuk guru berkreaitiviti (Beghetto, 2013; Dababneh et al., 2010; Sharma & Chauhan, 2010). Hasil kajian Schacter, Thum, & Zifkin (2006), mendapati bahawa majoriti guru tidak melaksanakan apa-apa strategi pengajaran yang memupuk kreativiti pelajar. Guru prasekolah di Malayisa juga didapati kurang berkeyakinan dan kurang berkemahiran melaksanakan aktiviti seni untuk perkembangan domain kreativiti kanak-kanak (Ling & Hasnah, 2009). Ini turut disokong oleh dapatan tinjauan awal Norsita et al. (2015) dan Norsita & Zainal (2014).

Selain daripada guru, persekitaran rumah dan keluarga juga memainkan peranan yang utama dalam perkembangan kreativiti dan pencapaian kanak-kanak. Penglibatan ibu bapa yang baik, jelas memberi kesan positif terhadap pencapaian murid (Desimone, 1999; Fan, 2001; Fan & Chen, 2001; Hoover-Dempsey & Sandler, 1997; Hoover-Dempsey et al., 2005; James, 2003; Lee, 1999). Ibu bapa didapati lebih cenderung memberi perhatian pada tahap awal persekolahan kerana kanak-kanak belum mampu berdikari (Englund, Luckner, Whaley, & Egeland, 2004; Fletcher & Silberbeg, 2006; Jeynes, 2005). Walau bagaimanapun kajian Zainal & Norsita, (2015) menunjukkan ibu bapa lebih cenderung untuk memberi perhatian terhadap akademik sebaliknya tidak menyediakan alat permainan yang mampu merangsang kreativiti kanak-kanak di rumah.

Sikap ibu bapa terhadap perkembangan pelajaran dan kreativiti anak-anak ini dipengaruhi oleh status ekonomi yang meliputi taraf pendidikan, pekerjaan dan pendapatan keluarga (Mohamad, Noraini, & Ismael, 2009). Tahap pendidikan ibu bapa berkait rapat dengan tahap pendapatan keluarga. Ibu bapa yang mempunyai tahap pendidikan yang rendah mendorong mereka bersikap tidak mengambil berat tentang pelajaran anak-anak (Wan Hanafi, Ahmad, & Ali, 2014; Zarinah & Rozumah, 2011). Ini mungkin kerana ibu bapa yang berpendapatan rendah kurang berkemampuan menyediakan rangsangan pengalaman pembelajaran di rumah dan jarang menggalak dan menyokong tingkah laku kanak-kanak yang positif (Magnuson & Duncan, 2002).

Ekoran daripada itu, sekiranya kanak-kanak mendapat asuhan dan pendidikan yang sesuai maka, minda mereka dapat dirangsang, sikap dan emosi positif dapat dibina, serta kreativiti dan pemikiran kritikal mereka dapat dijana (KPM, 2010). Sekiranya perkembangan kreativiti pada zaman kanak-kanak ini terbantut ia akan merugikan negara kerana kanak-kanak merupakan modal insan yang tidak ternilai pada masa akan datang. Walaupun kajian untuk meningkatkan pemahaman kita tentang kreativiti telah banyak dilaksanakan, tetapi masih terdapat kekurangan kajian yang memberi fokus kepada kanak-kanak prasekolah (Domino, 1979; Farella, 2010; Lee & Donna, 1997; Nachiappan, 2014; Yu-Chu Yeh & Li, 2008). Jadi, kajian ini merupakan satu usaha untuk menambahkan literatur tentang kreativiti kanak-kanak khususnya kanak-kanak prasekolah. Oleh itu kajian ini amat perlu dilakukan untuk meninjau tahap kreativiti dalam ruang lingkup yang lebih luas serta meninjau faktor-faktor yang mempengaruhi pemupukan kreativiti kanak-kanak prasekolah di Malaysia.

Banyak kajian yang menunjukkan hubungan antara kreativiti dengan jantina, lokasi, status sosioekonomi keluarga, tahap kognitif, persekitaran rumah dan sekolah yang telah dijalankan. Namun kebanyakan kajian tersebut dilakukan di luar negara. Malahan faktor-faktor tersebut dijalankan secara berasingan (Norsita, 2005; Makhmalbaf & Do, 2007; Fisher, 2013). Kajian perbezaan jantina ke atas kreativiti pula telah menjadi subjek yang kontroversial dan banyak dipertikaikan selama beberapa dekad (Sayed & Hemdan, 2013) di mana terdapat percanggahan dalam literatur yang berkaitan sama ada lelaki atau perempuan yang lebih kreatif. Jadi, kajian ini akan melihat pengaruh setiap faktor ke atas kreativiti kanak-kanak prasekolah serta dijalankan secara kuantitatif dan disokong oleh dapatan kualitatif. Kajian ini juga dijalankan dengan mengambil kira cadangan kajian terdahulu agar sampel, pemboleh ubah dan lokasi kajian diperluaskan untuk mendapatkan hasil yang lebih jelas dan mantap tentang kreativiti kanak-kanak khususnya kanak-kanak prasekolah.

Jadi, kajian ini amat perlu dijalankan untuk meninjau faktor persekitaran apakah yang mempengaruhi kreativiti serta faktor manakah menjadi penyumbang utama dalam perkembangan kreativiti kanak-kanak prasekolah. Pemahaman yang jelas tentang interaksi guru dan kanak-kanak akan membantu guru meningkatkan sokongan dalam perkembangan dan pembelajaran kanak-kanak (Jingbo & Elicker, 2005). Kajian ini juga penting untuk memahami corak persekitaran rumah dan amalan pengajaran guru dalam pemupukan kreativiti kanak-kanak. Kajian ini juga penting untuk melihat interaksi kesemua pemboleh ubah dalam mempengaruhi perkembangan kreativiti kanak-kanak prasekolah. Akhirnya, satu panduan bagi menentukan faktor yang perlu diberi penekanan dalam meningkatkan kreativiti kanak-kanak prasekolah dapat dihasilkan menerusi kajian ini.

Kupasan perbincangan di atas, merupakan titik tolak kepada perlunya penelitian menyeluruh dalam memahami perkembangan kreativiti serta usaha untuk memupuk kreativiti kanak-kanak prasekolah. Walau bagaimanapun, timbul persoalan adakah dalam keadaan sebenar faktor persekitaran rumah, guru, kompetensi dan penerimaan sosial yang dinyatakan di atas merupakan penyumbang kepada perkembangan kreativiti kanak-kanak di Malaysia? Justeru, secara jelas signifikan kajian adalah untuk mengkaji faktor-faktor yang dinyatakan, menentukan faktor yang perlu diberi penekanan seterusnya menghasilkan satu model bagi melahirkan kanak-kanak yang kreatif melalui kajian mendalam secara kuantitatif dan disokong oleh data kualitatif.

1.2 Penyataan Masalah

Kanak-kanak prasekolah merupakan bakal pewaris dan modal insan negara di masa hadapan (Chae, 2003; PERMATA, 2013). Oleh itu, sebarang masalah yang berkaitan perkembangan kreativiti kanak-kanak perlu ditangani segera kerana masalah ini akan memberi kesan ke atas amalan kreativiti masyarakat, seterusnya mempengaruhi perkembangan dan kemajuan negara yang menuju ke arah menjadi sebuah negara maju pada tahun 2020 (Butcher & Niec, 2005; Chan, 2005; Makhmalbaf & Do, 2007; Muhyiddin, 2012). Ini adalah kerana, hasil kajian terdahulu mendapati kreativiti dalam

kalangan kanak-kanak semakin merosot dan sederhana apabila mereka memasuki prasekolah, walaupun dilahirkan dengan sifat kreatif secara semula jadi, (Engel & Randall, 2009; Kim, 2011; Lau & Cheung, 2010; Norsita, 2005).

Antara faktor yang menyebabkan kemerosotan kreativiti kanak-kanak ini adalah persekitaran rumah, sekolah khususnya amalan pengajaran guru dan faktor pelajar itu sendiri. Sebagai contoh, terdapat kajian yang membuktikan bahawa persekitaran rumah mempengaruhi perkembangan dan kreativiti kanak-kanak (Makhmalbaf & Do, 2007; Norsita, 2005; Sharma, 2011). Namun, ada Ibu bapa yang kurang mementingkan penyediaan persekitaran atau bahan-bahan rangsangan untuk anak-anak berfikir secara kreatif di rumah sebaliknya terlalu menekankan aspek akademik (Chan, 2005; Domino, 1979; Hirsh-Pasek, 1991; Kim, 2011; Makhmalbaf & Do, 2007; Zainal & Norsita, 2015). Ini diakui oleh Kim (2011), yang menyatakan bahawa secara keseluruhannya kreativiti kurang digalakkan di rumah, sekolah dan masyarakat.

Sebahagian pengkaji pula mengatakan bahawa kajian mengenai perkaitan antara persekitaran rumah dengan kreativiti masih sedikit dan sering diabaikan (Domino, 1979; Lee & Donna, 1997; Makhmalbaf & Do, 2007). Kekurangan kajian antara kreativiti kanak-kanak dengan persekitaran rumah ini amat mengejutkan dan mengecewakan kerana hubungan persekitaran rumah ke atas perkembangan kanak-kanak telah lama dikenal pasti oleh Bronfenbrenner sejak tahun 1979 (Lee & Donna, 1997). Sehubungan dengan itu, kajian ini mengenal pasti tahap kreativiti dalam kalangan kanak-kanak prasekolah, persekitaran rumah, amalan pengajaran guru, kompetensi dan penerimaan sosial. Kajian ini juga untuk mengisi kelompangan yang wujud seterusnya menambah literatur tentang hubungan antara persekitaran rumah dengan kreativiti kanak-kanak prasekolah.

Selain itu, kajian lepas menunjukkan bahawa pencapaian kreativiti lelaki adalah lebih baik daripada perempuan, antaranya adalah kajian (Beghetto, 2006; Bender, Nibbelink, & Towner-Thyrum, Vredenburg, 2013; Karwowski, 2011; Lin, Hsu, Chen, & Wang, 2012; Miller et al., 2012). Terdapat juga kajian yang menunjukkan bahawa perempuan lebih kreatif daripada lelaki antaranya (Abra & Valentine-French, 1991; Baer & Kaufman, 2008; Sharma, 2011; Runco, Cramond, & Pagnani, 2010). Ada juga kajian yang menunjukkan tidak terdapat perbezaan kreativiti antara lelaki dengan perempuan (Cheung, Lau, Chan, & Wu, 2004; Hyde, 2005; Kim & Van Tassel-Baska, 2010; Mohammad Yusof & Siti Hajar, 2011; Norsita, 2005; Sayed & Hemdan, 2013; Siti Rafeah, 2007). Ini membuktikan terdapat percanggahan dalam literatur yang berkaitan sama ada lelaki atau perempuan yang lebih kreatif selama beberapa dekad. Oleh itu, kajian ini ingin mengesahkan adakah terdapat perbezaan kreativiti antara kanak-kanak lelaki dan perempuan.

Terdapat juga beberapa kajian di luar dan dalam negara yang menunjukkan terdapat perbezaan kreativiti berdasarkan lokasi, tahap pendapatan keluarga dan tahap pendidikan ibu serta bapa. Antaranya ialah kajian Davis-Kean (2005), Magnuson & Duncan (2002), Mohamad et al., (2009) dan Wan Hanafi et al., (2014), yang

menunjukkan bahawa pendapatan keluarga, tahap pendidikan ibu dan bapa turut mempengaruhi perkembangan dan pencapaian kanak-kanak. Walau bagaimanapun, hasil kajian Norsita (2005), menunjukkan tahap kreativiti kanak-kanak prasekolah dipengaruhi oleh tahap pendapatan keluarga dan tahap pendidikan bapa tetapi tidak dipengaruhi oleh tahap pendidikan ibu. Percanggahan ini menyebabkan kajian ini turut mengkaji perbezaan tahap kreativiti kanak-kanak berdasarkan tahap pendapatan keluarga dan tahap pendidikan ibu bapa dengan harapan kreativiti kanak-kanak prasekolah akan meningkat selaras dengan peningkatan pendapatan isi rumah dan pengurangan kemiskinan rakyat Malaysia kini.

Amalan pengajaran guru juga merupakan salah satu faktor penting dalam pemupukan kreativiti kanak-kanak prasekolah. Antara dapatan kajian yang membuktikannya adalah kajian Al Thani (2010), Beghetto (2007), Chien & Hui (2010), dan Jindal-Snape et al. (2013). Walau bagaimanapun, terdapat juga kajian yang menunjukkan bahawa amalan pengajaran guru dikenal pasti kurang berkesan dalam memupuk kreativiti kanak-kanak prasekolah. Guru-guru didapati kurang berjaya mencungkil kreativiti pelajar kerana terlalu memberi fokus kepada akademik dan terlalu menekankan kawalan bilik darjah (Al Thani, 2010; Beghetto, 2007; Beghetto, 2013; Cameron, 2010; Chan, 2005; Cropley, 2010; Feldman & Benjamin, 2006; Gralewski & Karwowski, 2012; Karwowski, 2007; Jingbo & Elicker, 2005; Lim & Smith, 2008; Schacter et al., 2006; Sharma & Chauhan, 2010). Hasil kajian Norsita et al., (2015), juga mendapati amalan pengajaran guru gagal meningkatkan kreativiti kanak-kanak prasekolah. Sebagai akibatnya, kanak-kanak yang kurang kreatif ini akan mudah tercicir serta kurang keyakinan diri. Disebabkan terdapat percanggahan dalam literatur berkaitan dengan hubungan amalan pengajaran guru dan kreativiti maka, kajian ini juga ingin mengesahkan sama ada amalan pengajaran guru mempengaruhi kreativiti kanak-kanak prasekolah atau pun tidak.

Selain itu, kajian terdahulu (Russo, 2004), juga mendapati pelajar yang mempunyai kompetensi dari segi IQ purata dan IQ tinggi mendapat manfaat daripada latihan kreativiti. Ini turut disokong oleh Niu (2007), yang mendapati bahawa IQ juga adalah sumber yang signifikan dalam meramalkan kreativiti sepertimana faktor persekitaran sosial atau faktor individu. Namun terdapat percanggahan hasil kajian terdahulu iaitu Kim (2005), mendapati terdapat korelasi yang minima antara skor IQ dan skor kreativiti. Hasil kajian Russo (2004), pula mendapati bahawa IQ tidak mempunyai hubungan dengan ukuran kreativiti pelajar. Kajian terdahulu jelas menunjukkan dapatan yang tidak konsisten berhubung dengan hubungan antara kompetensi kognitif dan kreativiti (Watts, Steele, & Song, 2017). Justeru, kajian ini juga turut mengkaji hubungan antara kompetensi diri dari segi kognitif dengan kreativiti kanak-kanak prasekolah.

Satu lagi faktor yang berkait rapat dengan perkembangan kreativiti dalam kalangan kanak-kanak adalah proses sosial seperti penerimaan oleh ibu bapa dan rakan sebaya (Csikszentmihalyi, 1988; Perry-Smith & Shalley, 2003). Ini adalah kerana walaupun kanak-kanak dilahirkan dengan sifat kreatif tetapi kreativiti juga perlu dipupuk dan

dipengaruhi oleh persekitaran sosial (Vygotsky, 1978). Ibu bapa yang mesra dan mengasuh memberikan kesan ke atas perkembangan kanak-kanak berbanding dengan ibu bapa yang dingin dan tidak mesra. Begitu juga, kawan yang agresif dan yang cintakan ketenangan memberikan kesan yang berbeza ke atas perkembangan individu kanak-kanak (Urban & Jellen, 2010). Walau bagaimanapun, menurut Perry-Smith & Shalley (2003), mengkaji kesan hubungan penerimaan sosial ke atas kreativiti adalah berpotensi penting untuk dikaji secara empirikal kerana kajian mengenainya masih kurang dijalankan. Oleh yang sedemikian, kajian ini mengkaji hubungan antara penerimaan sosial dengan kreativiti kanak-kanak prasekolah.

Sebahagian kajian literatur pula menunjukkan guru gagal memupuk kreativiti dalam kalangan kanak-kanak kerana terdapat banyak halangan untuk guru berkreaitiviti (Beghetto, 2013; Dababneh et al., 2010; Sharma & Chauhan, 2010). Guru-guru prasekolah di Malaysia sukar untuk memupuk kreativiti di dalam kelas kerana mempunyai bebanan kerja yang berat dan bilangan kanak-kanak yang ramai di dalam satu kelas (25 orang). Guru juga mendakwa kekurangan masa untuk membuat persediaan dan kekurangan alat bantu mengajar yang bersesuaian (Norsita, 2014). Tambahan pula guru kurang berkeyakinan dan kurang berkemahiran melaksanakan aktiviti bagi perkembangan domain kreativiti kanak-kanak (Ling & Hasnah, 2009). Oleh itu, kajian ini juga akan meneroka halangan-halangan yang dihadapi oleh guru dalam usaha memupuk kreativiti kanak-kanak prasekolah.

Kajian ini menjadikan kreativiti kanak-kanak sebagai fokus utama kajian. Tambahan pula pengkaji terdahulu mendakwa bahawa kajian secara empirikal berkaitan dengan kreativiti yang mengkhusus kepada kanak-kanak prasekolah masih kurang dilaksanakan dan sering diabaikan (Dababneh et al., 2010; Domino, 1979; Farella, 2010; Lee & Donna, 1997; Makhmalbaf & Do, 2007; Yu-Chu Yeh & Li, 2008). Ini turut ditegaskan oleh Nachiappan (2014), bahawa kajian-kajian yang menjadikan kanak-kanak prasekolah sebagai sampel masih kurang di Malaysia, berbanding dengan negara luar yang memberikan perhatian sewajarnya terhadap pendidikan awal kanak-kanak (Azrina, 2011). Oleh itu pengkaji mengambil inisiatif menjalankan kajian terhadap perkaitan antara persekitaran rumah, amalan pengajaran guru, kompetensi dan penerimaan sosial dengan kreativiti kanak-kanak prasekolah untuk menambahkan literatur dan mengisi kelompangan yang ada iaitu kekurangan kajian empirikal terhadap kreativiti kanak-kanak prasekolah sebagai sampel kajian.

1.3 Persoalan Kajian

Matlamat kajian ini adalah untuk mendapatkan jawapan terhadap beberapa persoalan kajian yang telah dibentuk. Bagi mencapai objektif kajian, maka persoalan kajian yang perlu dijawab adalah:

1. Apakah tahap kreativiti kanak-kanak prasekolah, persekitaran rumah, amalan pengajaran guru, kompetensi diri dan penerimaan sosial?

2. Adakah terdapat perbezaan tahap kreativiti kanak-kanak yang signifikan mengikut lokasi, jantina, tahap pendapatan keluarga dan tahap pendidikan ibu bapa?
3. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara persekitaran rumah, amalan pengajaran guru, kompetensi diri dan penerimaan sosial dengan kreativiti kanak-kanak prasekolah?
4. Adakah persekitaran rumah, amalan pengajaran guru, kompetensi diri dan penerimaan sosial menyumbang kepada variasi tahap kreativiti kanak-kanak prasekolah?
5. Apakah halangan-halangan yang dihadapi oleh guru dalam usaha memupuk kreativiti kanak-kanak prasekolah?

1.4 Objektif Kajian

1.4.1 Objektif Umum

Tujuan kajian ini adalah untuk memberi penjelasan yang lebih terperinci tentang faktor-faktor dan faktor utama yang mempengaruhi perkembangan kreativiti kanak-kanak prasekolah serta untuk mencapai objektif di bawah.

1.4.2 Objektif Khusus

Objektif khusus kajian ini adalah seperti berikut:

1. Menentukan tahap kreativiti kanak-kanak prasekolah, persekitaran rumah, amalan pengajaran guru, kompetensi diri dan penerimaan sosial.
2. Melihat perbezaan tahap kreativiti kanak-kanak dari segi lokasi, jantina, tahap pendapatan keluarga dan tahap pendidikan ibu bapa.
3. Mengkaji hubungan antara persekitaran rumah, amalan pengajaran guru, kompetensi diri dan penerimaan sosial dengan kreativiti kanak-kanak prasekolah.
4. Meneliti sumbangan persekitaran rumah, amalan pengajaran guru, kompetensi diri dan penerimaan sosial terhadap variasi tahap kreativiti kanak-kanak prasekolah.
5. Meneroka halangan-halangan yang dihadapi oleh guru dalam usaha memupuk kreativiti kanak-kanak prasekolah.

1.5 Hipotesis Kajian

Hipotesis yang akan diuji berdasarkan objektif-objektif kajian adalah:

Objektif Kajian 1

Tiada hipotesis dikemukakan kerana persoalan kajian 1 merupakan analisis deskriptif.

Objektif Kajian 2

Untuk melihat perbezaan tahap kreativiti kanak-kanak yang signifikan mengikut lokasi, jantina, tahap pendapatan keluarga dan pendidikan ibu bapa.

- Ha 1: Terdapat perbezaan yang signifikan antara bandar dan luar bandar dengan kreativiti kanak-kanak prasekolah.
- Ha 2: Terdapat perbezaan yang signifikan antara kreativiti kanak-kanak prasekolah lelaki dan perempuan.
- Ha 3: Terdapat perbezaan yang signifikan antara pendapatan keluarga dengan kreativiti kanak-kanak prasekolah.
- Ha 4: Terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pendidikan ibu dengan kreativiti kanak-kanak prasekolah.
- Ha 5: Terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pendidikan bapa dengan kreativiti kanak-kanak prasekolah.

Objektif Kajian 3

Untuk mengkaji hubungan yang signifikan antara persekitaran rumah, amalan pengajaran guru, kompetensi diri dan penerimaan sosial dengan kreativiti kanak-kanak prasekolah.

- Ha 6 : Terdapat hubungan yang signifikan antara persekitaran rumah dengan kreativiti kanak-kanak prasekolah.
- Ha 7 : Terdapat hubungan yang signifikan antara amalan pengajaran guru dengan kreativiti kanak-kanak prasekolah.
- Ha 8 : Terdapat hubungan yang signifikan antara kompetensi diri dengan kreativiti kanak-kanak prasekolah.
- Ha 9 : Terdapat hubungan yang signifikan antara penerimaan sosial dengan Kreativiti kanak-kanak prasekolah.

Objektif Kajian 4

Untuk meneliti pengaruh persekitaran rumah, amalan pengajaran guru, kompetensi diri dan penerimaan sosial terhadap variasi tahap kreativiti kanak-kanak prasekolah (*regression*).

Ha10: Persekitaran rumah, amalan pengajaran guru, kompetensi diri dan penerimaan sosial secara bersama merupakan penyumbang yang signifikan kepada kreativiti kanak-kanak prasekolah.

Objektif Kajian 5

Untuk meneroka halangan-halangan yang dihadapi oleh guru dalam usaha memupuk kreativiti kanak-kanak prasekolah.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini signifikan dijalankan kerana ia memberi *contribution to the body of knowledge* dengan menambah pengetahuan dalam bidang kreativiti kanak-kanak prasekolah. Sub topik ini akan membincangkan kepentingan kajian kepada ibu bapa, guru prasekolah dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

1.6.1 Ibu bapa

Secara umumnya ibu bapa gemar memilih dan mempraktikkan gaya asuhan yang tertentu terhadap anak-anak mereka. Oleh itu kajian ini memberi kesedaran serta panduan kepada ibu bapa bahawa mereka juga bertanggungjawab dalam pendidikan anak-anak supaya lahir generasi berwawasan serta mampu memacu negara yang serba mencabar dan penuh persaingan global. Kajian ini juga memberi manfaat dan panduan kepada ibu bapa tentang persekitaran rumah yang boleh disediakan bersesuaian dengan umur anak tersebut supaya bakat kreatif mereka dapat digilap. Ini amat penting kerana dengan adanya kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis, akan lahir generasi yang berdaya tahan serta mampu menyelesaikan segala masalah dan tekanan yang dihadapi.

1.6.2 Guru Prasekolah

Kajian ini dapat memberi maklumat dan panduan yang amat relevan tentang faktor-faktor yang mempengaruhi kreativiti kanak-kanak prasekolah. Guru prasekolah boleh menggunakan maklumat tersebut untuk meningkatkan amalan pengajaran mereka. Tambahan pula kajian ini mengkaji hubungan amalan pengajaran guru dengan kreativiti kanak-kanak. Adalah diharapkan agar dapatan kajian ini dapat memberi

motivasi kepada guru prasekolah untuk mengadakan pengajaran dan pembelajaran yang lebih menarik dan berkesan dalam meningkatkan kreativiti kanak-kanak. Selain amalan pengajaran guru, guru prasekolah juga perlu ada kemahiran psikologikal dalam menangani karenah dan perangai kanak-kanak prasekolah. Ini juga bersesuaian dengan perkembangan emosi kanak-kanak yang masih belum stabil ketika usia awal begini.

Hasil kajian ini juga diharap dapat membantu tenaga pengajar atau pensyarah bagi membimbing bakal guru prasekolah dalam merancang strategi pengajaran serta menentukan pendekatan berfikir yang sesuai dengan tahap kanak-kanak serta mampu menggalakkan pemikiran kreatif dan kritis. Guru-guru prasekolah juga diharap sedar akan tanggungjawab mereka dalam melahirkan insan cemerlang yang mempunyai daya kreativiti yang tinggi seperti yang dihasratkan oleh kerajaan-

1.6.3 Kementerian Pendidikan Malaysia

Satu daripada matlamat pendidikan negara adalah untuk melahirkan warganegara yang berilmu pengetahuan dan berfikiran kreatif dan rasional, berakhlak mulia serta berketerampilan demi kemakmuran masyarakat dan negara. Kajian ini memberi penjelasan lebih terperinci tentang faktor-faktor yang mempengaruhi kreativiti serta memberikan pengetahuan baharu tentang faktor yang paling dominan dalam mempengaruhi kreativiti kanak-kanak prasekolah. Kajian secara mendalam (kualitatif) pula dapat memberikan gambaran sebenar tentang faktor-faktor yang menghalang pemupukan kreativiti kanak-kanak. Selain itu, kajian ini juga ingin menguji pemboleh ubah baharu iaitu hubungan rakan sebaya melalui penerimaan sosial (rakan sebaya) dan kaitannya dengan perkembangan kreativiti kanak-kanak prasekolah.

Oleh itu KPM selaku pembuat dasar pendidikan di prasekolah boleh menggunakan maklumat tersebut dalam membentuk dasar yang memberi penekanan kepada usaha-usaha untuk melahirkan kanak-kanak yang kreatif di Malaysia. Hasil kajian ini juga diharap dapat memberikan sumbangan dengan menyediakan garis panduan dan maklumat mendalam tentang pemupukan kreativiti dalam bilik darjah prasekolah seterusnya, mewujudkan persekitaran yang harmoni, tenang dan kondusif agar dapat memberi peluang serta menggalakkan kanak-kanak menghasilkan idea-idea kreatif.

1.7 Definisi Istilah Kajian

Berikut adalah penerangan definisi istilah yang digunakan dalam kajian ini iaitu:

1.7.1 Kreativiti

Konsep: Kreativiti bermaksud kemampuan (kebolehan) mencipta, daya kreatif dan kekreatifan. Daya kreatif merujuk kepada seseorang yang mempunyai kebolehan mencipta, menghasil dan mengembangkan sesuatu idea baharu dan asli (Kamus Dewan, 2007). Menurut KPM (2010), kreativiti merupakan potensi semula jadi yang dimiliki oleh semua individu.

Operasional: Dalam kajian ini kreativiti dilihat dari skor kreativiti yang diukur terhadap lukisan kanak-kanak dengan menggunakan *Test for Creative Thinking – Drawing Production* (TCT-DP). Menurut Makhmalbaf & Do (2007), melukis adalah aktiviti penyelesaian masalah yang tertanam dengan perkembangan seni dan perasaan. Kreativiti dalam kajian ini, dinilai berdasarkan kriteria-kriteria utama yang menunjukkan keseluruhan skor kreativiti (Jellen & Urban, 1986; Urban, 2005, Urban & Jellen, 2010).

1.7.2 Persekitaran Rumah

Konsep: Persekitaran bermaksud kawasan di sekeliling sesuatu tempat. Persekitaran rumah merangkumi rangsangan yang ada di rumah untuk perkembangan anak-anak seperti alat permainan dan buku-buku, rangsangan dari segi interaksi dan cara ibu bapa seperti percakapan dan tingkah laku. Ini termasuklah keadaan susun atur alatan di dalam dan kawasan sekeliling.

Operasional: Persekitaran rumah dinilai berdasarkan soal selidik *HOME Inventory* oleh Bradley & Caldwell (1984), yang telah diubah suai dan digunakan oleh Norsita (2005).

1.7.3 Amalan Pengajaran Guru

Konsep: Amalan bermaksud sesuatu yang dilakukan, dilaksanakan, dikerjakan, dan sebagainya sebagai suatu kebiasaan (Kamus Dewan, 2007).

Operasional: Dalam kajian ini, amalan pengajaran guru bermakna kebiasaan yang dilakukan oleh guru dalam pengajaran di dalam kelas prasekolah. Amalan pengajaran guru diukur menggunakan soal selidik yang dibangunkan sendiri oleh pengkaji dengan mengubah suai soal selidik terdahulu iaitu *Creativity-Fostering Teacher-Observation*

Form yang telah diguna pakai oleh Matthew (2008) dan telah disemak oleh pakar. Soal selidik ini akan diisi atau dijawab oleh pengkaji setelah dibacakan kepada kanak-kanak secara *face to face*.

1.7.4 Kompetensi Diri dan Penerimaan Sosial

Konsep: Menurut Kamus Dewan (2007), kompetensi bermaksud kecekapan manakala menurut Kamus Pelajar pula kompetensi bermaksud kebolehan/ pengetahuan dan kemahiran untuk melakukan sesuatu dengan cekap atau dengan jayanya. Kompetensi terdiri daripada kepentingan kemahiran, pengetahuan, sikap dan tingkah laku yang diperlukan bagi keberkesanan melaksanakan tugas dunia sebenar atau aktiviti. Aktiviti-aktiviti ini mungkin berkaitan dengan sebarang domain kehidupan walaupun kompetensi biasanya dikaitkan dengan bidang pekerjaan dan kehidupan dalam persekitaran yang baru (Weddel, 2006; Pallan, 2003; Klien, Spector, Grabowski, & de la Teja, 2004). Mereka juga mendefinisikan kompetensi sebagai satu himpunan pengetahuan, kamahiran dan sikap yang saling berkaitan bagi membolehkan seseorang individu melaksanakan aktiviti-aktiviti berhubung dengan suatu pekerjaan atau fungsi tugas mengikut standard yang dijangkakan.

Menurut Kamus Dewan (2007), penerimaan pula bermaksud perihal atau perbuatan atau sikap menerima. Dalam kajian ini penerimaan sosial bermaksud perihal atau perbuatan ibu dan rakan sebaya yang menerima kehadiran seseorang kanak-kanak dalam pergaulan atau kehidupan mereka.

Operasional: Dalam kajian ini, kompetensi diri dan penerimaan sosial diukur berdasarkan soal selidik bergambar *The Pictorial Scale of Perceived Competence and Acceptance for Young Children* yang telah direka oleh Susan Harter & Robin G. Pike, 1980; Susan, Robin, Carole, & Ann, 1983).

1.7.5 Kanak-kanak Prasekolah

Kanak-kanak prasekolah merupakan kanak-kanak berumur lima dan enam tahun yang bersekolah di prasekolah KPM.

1.8 Kerangka Teoritik

Beberapa teori yang berkaitan dengan perkembangan kanak-kanak dan kreativiti dikemukakan di bahagian ini. Bermula daripada teori dan model Kreativiti Komponential (Urban & Jellen, 1996; 2010) yang menjadi dasar kepada kajian ini. Bahagian ini juga akan membincangkan teori Konstruktivisme, teori Ekologi Pembangunan Manusia (Bronfenbrenner, 1979; 1995; 2005), dan teori Sosial Budaya dan Kognitif Lev Vygotsky. Huraian berkenaan teori-teori tersebut adalah dinyatakan seperti berikut:

1.8.1 Model Kreativiti Komponential


Model Kreativiti Komponential pada awalnya telah dicadangkan oleh Amabile (1983; 1996) dan diikuti oleh Urban (1991, 2005) dan Urban & Jellen (1996, 2010). Teori ini menerangkan proses kreatif dan pelbagai faktor yang mempengaruhi proses dan produk kreatif. Teori Amabile (1996), mengenal pasti tiga komponen yang perlu ada dalam diri individu untuk kreativiti iaitu; 1) domain berkaitan kemahiran iaitu kepakaran dalam sesuatu bidang, 2) kreativiti berkaitan proses (kognitif dan personaliti) kondusif kepada pemikiran yang baharu, dan 3) motivasi terutamanya motivasi intrinsik dan ekstrinsik. Komponen luaran pula adalah keadaan persekitaran, khususnya persekitaran sosial (Amabile, 2012). Teori Amabile telah diintegrasikan oleh Urban & Jellen dalam model Kreativiti Komponential (Urban & Jellen, 1996; 2010).

Model Kreativiti Komponential (Urban, 2005) dan Urban & Jellen (1996, 2010), terdiri daripada enam komponen interaktif yang saling bekerjasama sebagai satu sistem yang diperlukan untuk kreativiti. Komponen-komponen tersebut dikelompokkan ke dalam dua komponen aktiviti manusia yang utama iaitu Kognitif (pengetahuan dan pemikiran), dan Personaliti (motivasi dan emosi). Komponen Kognitif terdiri daripada; 1) pemikiran dan tindakan divergen (*divergent thinking and acting*), 2) pengetahuan umum dan pemikiran asas (*general knowledge thinking base*), dan 3) pengetahuan dan kemahiran khusus (*specific knowledge base and area specific skills*). Manakala komponen Personaliti terdiri daripada; 1) fokus dan komitmen terhadap tugas (*focusing and task commitment*), 2) motivasi dan motif (*motivation and motives*), dan 3) keterbukaan dan toleransi terhadap kekaburan (*openness and tolerance of ambiguity*).

Dalam komponen Kognitif, untuk menghasilkan kreativiti yang tinggi seseorang itu perlu mempunyai tahap pengetahuan dan kemahiran yang tinggi (kompeten), mampu berfikir secara divergen tentang sesuatu topik tertentu, dan mempunyai pengetahuan umum dan pemikiran asas yang dibangunkan dengan baik. Bagi komponen Personaliti pula, seseorang itu perlu mempunyai tahap tumpuan dan komitmen terhadap tugas, motivasi intrinsik dan motif yang tinggi dan berfikir 'terbuka' mengenai sesuatu topik dan bersedia untuk bertolak ansur dengan kekaburan yang dihadapi. Satu-satu komponen sahaja adalah tidak mencukupi bagi keseluruhan proses kreatif. Oleh itu, pemikiran divergen adalah penting untuk proses dan pengeluaran kreatif, tetapi ia hanya boleh bekerja bersama-sama dengan komponen yang lain.

Urban & Jellen telah mengintegrasikan model kreativiti Amabile dan teori Ekologi Pembangunan Manusia (Bronfenbrenner, 1979; 1995; 2005), bagi menghasilkan model Kreativiti Komponential (Urban & Jellen, 1996; 2010) seperti Rajah 1.1. Model ini terjalin dalam kerangka ekologi yang terdiri daripada tiga bulatan atau lapisan yang penting dalam tiga cara; 1) di bawah perspektif perkembangan (memupuk atau menghalang perkembangan kreativiti), 2) di bawah perspektif prosedur, dan 3) di bawah perspektif penilaian (kualiti individu, kumpulan atau tempatan atau sejarah

produk kreatif). Model ini menunjukkan bahawa dalam membangunkan dan menilai kreativiti seseorang, bidang-bidang lain perlu dipertimbangkan ketika mengajar atau menilai potensi kreatif, atau ketika menyediakan persekitaran terbaik.



Rajah 1.1 : Model Kreativiti Komponential
(Urban & Jellen, 1996; 2010)

Berdasarkan teori Ekologi Pembangunan Manusia (Bronfenbrenner, 1979; 1995; 2005), yang diintegrasikan oleh Urban & Jellen, model ini menunjukkan peringkat atau lapisan pertama, merupakan lapisan yang paling hampir dengan individu. Lapisan ini memberi pengaruh secara langsung atau dikenali sebagai persekitaran mikro termasuklah keluarga dan institusi pendidikan yang menyediakan sumber dan iklim untuk pembangunan atau kemerosotan kreativiti. Persekitaran keluarga termasuk persekitaran rumah yang merangkumi segala rangsangan yang ada di rumah bagi perkembangan anak-anak. Institusi pendidikan pula meliputi sekolah, guru, dan rakan sebaya. Peringkat kedua, persekitaran makro termasuk keadaan sosiobudaya dan politik dalam masyarakat, yang mungkin sesuai atau menjejaskan pembangunan kreativiti secara umum atau kepada beberapa domain tertentu. Peringkat ketiga pula meta-persekitaran, merujuk kepada evolusi perkembangan, sejarah dan global/ dunia (Rudowicz, 2004; Urban & Jellen, 1996; 2010).

Mengikut model tersebut, proses kreatif dipengaruhi oleh ciri-ciri peribadi/ personaliti dan kognitif individu serta faktor persekitaran. Instrumen TCT-DP yang telah dibangunkan oleh Urban (1991) dan Urban & Jellen (1996), adalah berdasarkan pandangan evolusi (Csikszentmihalyi, 1996), antropologi (Taylor, 1988), dan pendekatan sosial (Amabile, 1983), yang menganggap proses kreatif sebagai interaksi antara kebolehan kognitif, ciri-ciri personaliti dan persekitaran sosial. Oleh itu, Urban

& Jellen, (1996, 2010), telah cuba mengintegrasikan faktor-faktor yang menyumbang kepada proses penyelesaian masalah dalam model kreativiti komponential mereka.

Justeru, pengarang TCT-DP telah mendefinisikan kreativiti dengan berorientasikan proses. Menurut Urban & Jellen, (1996; 2010), proses kreatif boleh dicirikan oleh beberapa faktor dan salah satu daripadanya adalah memahami dengan baik masalah yang diberikan dan sensitif terhadap implikasinya. Satu lagi adalah sengaja mencari persepsi yang luas dan mendalam tentang maklumat yang sedia ada. Faktor lain adalah fleksibiliti dan imaginasi dalam menggunakan hubungan luar biasa yang berorientasikan masalah, serta keupayaan untuk menyusun semula dan mensintesis data ke dalam satu penyelesaian gestalt baru.

Proses kreatif akan berakhir dengan satu hasil baharu atau produk yang luar biasa yang mungkin dialami oleh orang lain sebagai bermakna dan penting. Proses kreatif juga boleh berlaku pada tahap kesedaran yang berbeza. Proses ini dilihat sebagai pelbagai dimensi dan bergantung kepada ciri-ciri peribadi dan kompetensi diri serta keadaan persekitaran seseorang (Urban, 1991; Urban & Jellen, 1996). Teras utama pembinaan TCT-DP yang pengarang ujian ini jelaskan adalah bahawa konsep yang kompleks seperti kreativiti tidak boleh dipindahkan terus ke dalam instrumen diagnostik. Oleh itu, satu-satu instrumen tidak akan memberi maklumat yang mencukupi tentang potensi dan kebolehan kreatif seseorang dalam situasi yang pelbagai.

1.8.2 Teori Konstruktivisme

Konstruktivisme adalah satu fahaman bahawa pelajar membina sendiri pengetahuan atau konsep secara aktif berdasarkan pengetahuan dan pengalaman sedia ada. Dalam proses ini, pelajar akan menyesuaikan pengetahuan yang diterima dengan pengetahuan sedia ada untuk membina pengetahuan baru. Mengikut kefahaman konstruktivisme, pelajar perlu membina sesuatu pengetahuan mengikut pengalaman masing-masing (PPK, 2001). Azman (2012), mengulas pendapat yang mengatakan bahawa pengetahuan bukanlah mudah untuk dipindahkan kerana mengajar itu sendiri merupakan satu proses membantu pelajar untuk membina makna dengan sendiri dari pengalaman-pengalaman mereka.

Dalam konstruktivisme, pengetahuan yang dipunyai oleh pelajar adalah hasil daripada aktiviti yang dilakukan oleh pelajar tersebut dan bukan pengajaran yang diterima secara pasif, guru akan mengenal pasti pengetahuan sedia ada pelajar dan merancang kaedah pengajarannya dengan sifat asas pengetahuan tersebut, guru berperanan sebagai pereka bentuk bahan pengajaran yang menyediakan peluang kepada pelajar untuk membina pengetahuan baru dan guru berperanan sebagai fasilitator yang membantu pelajar membina pengetahuan dan menyelesaikan masalah (PPK, 2001).

Konstruktivisme merupakan proses pembelajaran yang menerangkan bagaimana pengetahuan disusun dalam minda manusia. Pelajar sebenarnya telah mempunyai satu set idea dan pengalaman yang membentuk struktur kognitif terhadap persekitaran mereka. Teori ini juga mengatakan bahawa untuk membantu pelajar membina konsep atau pengetahuan baru, bahan pembelajaran yang dibangunkan harus mengambil kira struktur kognitif yang sedia ada pada mereka. Teori ini menggalakkan pelajar membina realiti sendiri berdasarkan pengetahuan yang sedia ada. Oleh itu ibu bapa dan guru perlu menyediakan pelbagai rangsangan ke arah membantu kanak-kanak memahami sesuatu konsep agar pemikiran mereka sentiasa berkembang dan dinamik. Pemboleh ubah persekitaran rumah dan amalan pengajaran guru yang digunakan dalam kajian ini adalah bersesuaian dengan teori pembelajaran konstruktivisme ini bagi mengembangkan potensi kreatif kanak-kanak yang dikaji.

Azman (2012), mengulas pendapat Dick & Cary (1990), yang mengatakan bahawa pendekatan konstruktivisme membolehkan persekitaran pembelajaran disusun dan diurus bagi membolehkan pembelajaran terbaik disediakan untuk pelajar. Ciri-ciri utama dalam pembelajaran konstruktivisme ialah menggalakkan pelajar bertanya dan berdialog dengan pelajar dan guru, menganggap pembelajaran sebagai satu proses yang sama penting dengan hasil pembelajaran, menyokong pembelajaran secara koperatif, menggalakkan dan menerima daya usaha dan autonomi pelajar, memberi peluang kepada pelajar untuk membina pengetahuan baru dengan memahaminya melalui penglibatan pelajar dengan situasi dunia yang sebenar, mengambil kira dapatan kajian tentang bagaimana pelajar belajar sesuatu idea, mengambil kira kepercayaan dan sikap yang dibawa oleh pelajar dan menggalakkan soalan dan idea yang dimulakan oleh pelajar dan menggunakannya sebagai panduan merancang pengajaran (PPK, 2001).


Pelajar yang belajar secara konstruktivisme diberi peluang untuk membina sendiri kefahaman mereka tentang sesuatu. Ini menjadikan mereka lebih yakin kepada diri sendiri dan berani menghadapi cabaran dan menyelesaikan masalah dalam situasi baru. Dalam pembelajaran secara konstruktivisme, pelajar membina sendiri pengetahuan, konsep dan idea secara aktif. Ini menjadikan mereka lebih faham, lebih yakin dan lebih seronok untuk terus belajar sepanjang hayat walaupun menghadapi pelbagai kemungkinan dan cabaran (PPK, 2001). Salah satu cabang dalam pembelajaran konstruktivisme ialah pendekatan penyelesaian masalah. Teori ini memberi penekanan kepada tingkah laku pelajar (*hands-on*) serta menekankan aktiviti mental (*minds-on*) pelajar. Teori konstruktivisme melibatkan pelajar di dalam pengalaman yang bermakna dengan menolak pemindahan ilmu secara pasif dan memfokuskan kepada penyelesaian masalah (Heinich, Molenda, Russell, & Smaldino, 1999). Oleh itu dalam konstruktivisme, pdp harus dilaksanakan sebagai proses menyusun atau membina pengalaman secara berterusan (Dewey, 1938).

Walau bagaimanapun, konstruktivis sosial melihat kreativiti sebagai lebih daripada produk genetik dan pengaruh alam sekitar, dan mereka menekankan peranan interaksi sosial dalam perkembangan kognisi. Pendekatan ini merangkumi pelbagai keperluan

dan keseimbangan yang unik yang membentuk potensi kreatif seseorang individu. Vygotsky (1978), menegaskan bahawa masyarakat merupakan faktor utama dalam keupayaan kanak-kanak untuk "membuat makna" dan menegaskan bahawa, "pembelajaran adalah aspek yang perlu dan universal dalam proses membangunkan yang dianjurkan budaya, khususnya fungsi psikologi manusia". Dengan kata lain, pembelajaran sosial cenderung untuk mendahului pembangunan.

1.8.3 Teori Ekologi Manusia

Idea teori Ekologi Manusia juga telah terungkap dalam teori Kreativiti Komponential Uban & Jellen (2010), yang mendasari kajian ini. Menurut Bronfenbrenner, persekitaran kanak-kanak terdiri daripada satu set sistem sosial sebagai struktur berlapis bermula dengan mereka yang terdekat dengan kehidupan kanak-kanak seperti ibu bapa serta keluarga dan beransur kepada mereka yang akan terlibat dalam kehidupan kanak-kanak ini secara langsung atau tidak langsung. Menurut Bronfenbrenner & Morris (1998), persekitaran adalah apa yang anak-anak alami seperti latar persekitaran, peranan dan interaksi. Dari masa ke semasa, kanak-kanak adalah memilih dan terdedah kepada persekitaran yang berlainan yang akan mempengaruhi perkembangan mereka. Bronfenbrenner (1979; 1989; 1995; 2005), menambah bahawa interaksi sosial dan pengalaman seseorang menentukan tahap kebolehan individu mengembangkan keupayaan serta merealisasikan potensi mereka. Teori Sistem Ekologi menerangkan bagaimana sistem dan saling hubungan yang mengelilingi kanak-kanak memberi kesan terhadap semua aspek perkembangan kanak-kanak yang turut diterangkan dalam teori Kreativiti Komponential. Rajah 1.2 menunjukkan lapisan-lapisan sistem yang digambarkan oleh teori Bronfenbrenner.



Rajah 1.2 : Teori Sistem Ekologi Bronfenbrenner

Berdasarkan rajah di atas, ekologi melibatkan hubungan sesama manusia dengan persekitaran termasuk akibat daripada proses psikologi, sosial dan budaya dari masa ke semasa. Mengikut teori biologikal Bronfenbrenner, terdapat empat struktur asas iaitu mikrosistem, mesosistem, eksosistem dan makrosistem di mana hubungan dan interaksi berlaku untuk membentuk pola yang mempengaruhi perkembangan manusia. Teori tersebut membolehkan kita mengkaji kanak-kanak dengan keluarga, sekolah dan masyarakat sebagai satu sistem dinamik yang berkembang pesat yang dipengaruhi oleh perubahan sosial yang lebih luas (*chronosystem*) seperti dalam bidang ekonomi, politik dan teknologi.

Mikrosistem merupakan lapisan paling dalam bagi menggambarkan hubungan dan interaksi secara langsung yang diterima oleh kanak-kanak dengan orang-orang dalam persekitaran terdekat seperti ibu bapa, adik beradik, kawan-kawan, guru dan lain-lain. Hal ini juga turut ditegaskan dalam teori dan model Kreativiti Komponential Urban & Jellen (2010). Urban & Jellen menegaskan bahawa perkembangan kreativiti kanak-kanak dipengaruhi oleh keadaan persekitaran yang mengelilingi kehidupan mereka. Ibu bapa yang mesra dan mengasuh (*nurturing*) memberikan kesan yang berlainan ke atas perkembangan kanak-kanak berbanding dengan ibu bapa yang dingin dan tidak mesra. Kawan yang agresif memberikan kesan yang berbeza berbanding dengan kawan yang cintakan ketenangan. Hubungan kanak-kanak dalam persekitaran mikrosistem ini adalah timbal balik kerana kanak-kanak mempunyai karakter tersendiri yang boleh mempengaruhi bagaimana orang lain memberikan respons terhadap mereka. Ini juga menjadi justifikasi pemilihan pemboleh ubah penerimaan sosial iaitu dalam pergaulan seharian kanak-kanak yang berinteraksi dengan ibu bapa dan rakan sebaya.

Mesosistem, merupakan lapisan kedua dalam teori sistem ekologi manusia. Ia menggambarkan hubungan dan saling interaksi antara ibu bapa dengan pengasuh, jiran, sekolah dan unsur-unsur lain dalam persekitaran yang lebih luas serta pengaruh interaksi tersebut dalam perkembangan kanak-kanak. Penglibatan dan sokongan ibu bapa dalam aktiviti di prasekolah memberikan sumbangan penting dalam perkembangan potensi kanak-kanak. Selain itu, tingkah laku kanak-kanak di sekolah juga dipengaruhi oleh keadaan persekitaran di rumah dan sekeliling mereka sama ada positif atau negatif.

Ekosistem merupakan lapisan ketiga dan mewakili organisasi yang tidak melibatkan kanak-kanak secara langsung tetapi mempunyai pengaruh langsung ke atas kanak-kanak tersebut. Organisasi yang lebih luas ini seperti rangkaian keluarga yang besar, rangkaian persahabatan, peraturan-peraturan kerajaan, program khidmat sosial dan peraturan di tempat kerja ibu bapa. Peraturan-peraturan di tempat kerja ibu bapa seperti cuti atau waktu kerja fleksi misalnya, akan mempengaruhi perkembangan seseorang kanak-kanak. Selain itu, ibu bapa membuat keputusan untuk berpindah rumah atau tempat kerja selalunya adalah tanpa meminta persetujuan daripada anak-anak. Namun, jika perpindahan ini berlaku, kanak-kanak akan menghadapi kesukaran terutama di peringkat awal perpindahan seperti tidak dapat membiasakan diri di

tempat baru kerana persekitaran telah berubah. Ini menunjukkan bahawa walaupun kanak-kanak tidak terlibat dalam keputusan ibu bapa, tetapi keputusan tersebut turut memberi kesan ke atas mereka.

Makrosistem secara umumnya mewakili nilai, adat, undang-undang dan sumber budaya yang turut mempengaruhi perkembangan individu. Budaya yang lebih individualistik akan menekankan kebebasan dan persaingan antara kanak-kanak dengan rakan sebaya. Manakala dalam masyarakat kolektif pula, mereka lebih mementingkan masyarakat dan kerjasama. Selain itu, bagi negara-negara yang miskin contohnya, kemiskinan dan kekurangan zat makanan juga boleh mempengaruhi perkembangan kanak-kanak. Akhir sekali, lapisan Kronosistem pula menggambarkan bagaimana kesan sistem dan saling hubungan ini sentiasa berubah mengikut masa. Sebagai contoh, kelahiran adik yang baru akan mengubah hubungan antara ibu bapa dengan anak-anak seterusnya memberi kesan kepada perkembangan kanak-kanak tersebut.

Dalam kajian ini, kreativiti kanak-kanak akan dikaji berdasarkan hubungannya secara langsung dengan persekitaran mikrosistem yang melibatkan ibu bapa guru dan rakan sebaya. Oleh itu, pengkaji ingin melihat kesan persekitaran rumah atau keluarga kerana hubungan ibu bapa - kanak-kanak dan persekitaran rumah merupakan teras sistem keluarga yang memberi kesan secara langsung terhadap perkembangan kanak-kanak di rumah. Guru dan rakan sebaya yang merupakan teras sistem bilik darjah juga mempunyai pengaruh secara langsung ke atas kanak-kanak prasekolah. Aspek yang dikaji adalah persekitaran rumah, amalan pengajaran guru, penerimaan sosial oleh ibu dan rakan sebaya serta kompetensi diri ke atas perkembangan kreativiti kanak-kanak prasekolah.

Kesimpulan yang dapat dibuat di sini adalah teori ekologi menegaskan bahawa kepentingan persekitaran dan kesannya kepada perkembangan kanak-kanak turut mendasari teori dan model Kreativiti Komponential Urban & Jellen (2010). Dengan memahami teori ini, ia akan dapat membantu kita dalam memahami dan mengambil langkah-langkah pengayaan dan intervensi dalam membantu perkembangan kreativiti kanak-kanak tersebut supaya mereka menjadi individu yang berani, berkeyakinan serta mampu menangani sebarang masalah yang dihadapi. Selain itu, kanak-kanak juga memerlukan persekitaran fizikal yang mesra budaya serta objek untuk menghasilkan sesuatu rangsangan seterusnya dapat menggalakkan pemikiran kreatif mereka. Kanak-kanak juga berinteraksi dengan guru dan rakan sebaya untuk menggalakkan perkembangan pemikiran kreatif mereka seperti melalui pertuturan dan soal jawab. Akhirnya kanak-kanak akan mencapai suatu tahap di mana mereka akan membentuk organisasi sendiri seperti personaliti mereka.

1.8.4 Teori Sosial Budaya dan Kognitif Lev Vygotsky

Teori Vygotsky menerangkan kanak-kanak mempelajari sesuatu perkara yang penting dan berguna melalui hubungan sosial dalam komuniti seperti perkongsian dan melakukan aktiviti secara bersama dengan orang lain. Beliau menyatakan bahawa perkembangan kanak-kanak bergantung kepada interaksi kanak-kanak dengan orang yang berada di persekitarannya. Hal ini menjadi medium penyampai sesuatu budaya yang membantu mereka membina pandangan tentang alam sekeliling. Pembelajaran akan berlaku melalui interaksi kanak-kanak dengan persekitarannya dan keadaan ini menentukan setiap perkara yang diinternalisasikan daripada aspek luaran kepada aspek dalaman diri seseorang kanak-kanak.

Zon Perkembangan Proksimal (ZPD) yang disarankan oleh Vygotsky, merupakan kadar keupayaan potensi yang tersirat dan tidak dapat dilihat. ZPD merupakan ruang antara pencapaian sebenar (*actual development*) dan potensi perkembangan (*potential development*) seseorang. Hal ini dijelaskan sebagai pencapaian seseorang kanak-kanak yang dapat melakukan sesuatu tanpa bantuan orang dewasa dan pencapaiannya melakukan sesuatu dengan arahan orang dewasa atau bekerjasama dengan rakan sebaya. Melalui pemerhatian, kanak-kanak berupaya mengembangkan potensinya melalui interaksi dengan persekitaran. Vygotsky percaya bahawa kanak-kanak berkembang lebih banyak jika berinteraksi dengan orang lain. Oleh itu, kajian ini mengambil kira faktor interaksi dengan rakan sebaya dalam penghasilan idea atau pemikiran kreatif kanak-kanak.

Persekitaran pembelajaran juga membantu kanak-kanak dalam usaha memberi makna dan mengetahui dunia mereka. Dalam bidang pendidikan, Vygotsky menyarankan bahawa peluang kanak-kanak berinteraksi dengan ibu bapa, rakan dan orang lain akan membantu mereka menerima ilmu pengetahuan. Selain itu, elemen-elemen di dalam persekitaran, menerangkan sebab musabab terjadinya sesuatu perkara. Kanak-kanak harus diterima dan dialu-alukan tanpa mengira keupayan mereka. Ibu bapa amat dialu-alukan untuk melibatkan diri dalam program sekolah kerana sangat bermakna kepada anak-anak mereka.

Selain itu, Vygotsky menyatakan '*scaffolding*' sebagai bantuan yang akan diberikan kepada kanak-kanak dan akan semakin berkurangan sehingga kanak-kanak mampu melakukannya sendiri sehingga bantuan tidak diberikan lagi. Sehubungan dengan itu, untuk mengembangkan potensi kreatif, orang dewasa amat diperlukan untuk menyediakan '*scaffolding*' kepada kanak-kanak untuk membimbing mereka melakukan sesuatu contohnya, lukisan atau produk kreatif. Orang dewasa perlu membantu kanak-kanak memahami konsep dalam 'banding beza' contohnya, dan membantu mereka membuat perbandingan atau membuat latihan dan mengurangkan bimbingan secara perlahan-lahan apabila kanak-kanak semakin menguasainya.

Vygotsky juga mengatakan bahwa bahasa memainkan peranan yang penting dalam pembangunan pemikiran abstrak kanak-kanak. Beliau juga menekankan kepentingan proses pelabelan dalam penggubalan konsep oleh kanak-kanak. Beliau percaya bahawa melalui bahasa kanak-kanak mula bersosialisasi di tempat asal mereka dan berinteraksi dengan kanak-kanak lain. Dengan ini perkembangan bahasa kanak-kanak merupakan sebahagian interaksi sosial mereka. Beliau melihat kanak-kanak menjalani kehidupan harian memberi pengalaman terhadap perkembangan bahasa terutamanya dalam pemikiran mereka.

Dalam pendidikan awal kanak-kanak, salah satu tugas utama guru adalah membangunkan kecekapan, kemahiran dan kefahaman bahasa kanak-kanak. Perkataan, ayat, cerita, lukisan, kraftangan, pergerakan dan muzik adalah sebahagian daripada bahasa kanak-kanak. Pada tahap awal, kanak-kanak belajar menyampaikan pengalaman mereka menerusi banyak cara dan mentafsir cara orang berkomunikasi dengan yang lain. Kanak-kanak akan meningkatkan kecekapan dalam pemikiran simbolik, abstrak, imaginasi dan kreativiti mereka ketika mengalami proses ini. Pertumbuhan bahasa akan menjadi bermakna apabila kanak-kanak mengetahui sebab untuk berkomunikasi. Sebagai orang dewasa, adalah perlu untuk mereka memahami dan menggalakkan komunikasi lisan dan bukan lisan dalam kalangan kanak-kanak. Orang dewasa harus mengiktiraf gaya komunikasi bukan lisan kanak-kanak. Selain itu, mereka juga harus memantau perkembangan bahasa tubuh badan mereka supaya dapat berinteraksi sesuai dengan kanak-kanak yang lain.

Vygotsky percaya percakapan merupakan perkara yang penting untuk menjelaskan sesuatu perkara. Selain itu, percakapan juga membantu dalam mempelajari aspek komunikasi. Kanak-kanak menyelesaikan tugas dengan bantuan komunikasi, mata dan tangan. Melalui pemerhatian, perbualan, persepsi, ucapan dan tindakan membantu kanak-kanak memahami situasi sebenar. Walaupun seseorang kanak-kanak tidak dapat memahami perkataan yang digunakan tetapi mereka dapat mentafsir konteks, ekspresi dan bahasa badan untuk memahami perkataan tersebut. Mengikut teori Vygotsky, dalam pembelajaran, setiap kanak-kanak melihat individu dan pembelajaran mereka melalui *scaffolded* (Berk, 2003). Dengan ini pendidik harus berusaha menarik minat kanak-kanak dalam pembelajaran ke arah lebih maju.

Kesimpulannya, kesemua teori di atas diambil pertimbangan dalam kajian ini. Namun, model Kreativiti Komponential (Urban & Jellen, 1996; 2010), menjadi tunjang dalam kajian ini berdasarkan beberapa justifikasi. Model ini adalah lebih komprehensif dan menyeluruh dan telah dibangunkan oleh Urban & Jellen (1996; 2010), dengan mengintegrasikan model-model yang lain. Model komponen Urban & Jellen (1996, 2010), juga diperkenalkan sebagai kesepaduan faktor 4P (orang/ *person*, proses/ *process*, produk/ *product* dan persekitaran/ *press*) ke dalam satu model untuk mendefinisikan kreativiti. Model Kreativiti Komponential ini juga adalah hasil daripada pengaruh model Amabile yang menekankan tentang komponen-komponen sosial dan psikologi yang diperlukan oleh seseorang untuk menghasilkan suatu kerja yang kreatif. Seterusnya, model ini juga telah dipindahkan secara langsung dan

komprehensif ke dalam instrumen TCT-DP iaitu alat ujian kreativiti yang digunakan dalam kajian ini yang juga pernah digunakan oleh pengkaji terdahulu seperti Chae (2003) dan Urban (1991).

1.9 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian ini memberi gambaran tentang hubungan di antara beberapa pemboleh ubah yang digunakan dalam kajian ini seperti dalam Rajah 1.3. Kajian ini berlandaskan andaian bahawa faktor persekitaran iaitu persekitaran rumah, amalan pengajaran guru, kompetensi dan penerimaan sosial mempengaruhi kreativiti kanak-kanak prasekolah. Csikszentmehalyi (1999), mengulas pendapat yang mengatakan bahawa faktor luaran juga perlu diambil jika seseorang ingin menerangkan kenapa, bila dan di mana idea-idea atau produk-produk baharu muncul dan menjadi kekal di dalam sesuatu budaya. Selain itu, faktor demografi juga turut dikaji. Berdasarkan kerangka konseptual kajian ini, pengkaji ingin menguji persoalan-persoalan dan hipotesis-hipotesis kajian seterusnya menjawab objektif kajian yang telah dibina sebelum ini.



Rajah 1.3 : Kerangka Konseptual Perkaitan antara Persekitaran Rumah, Amalan Pengajaran Guru, Kompetensi Diri dan Penerimaan Sosial dengan Kreativiti Kanak-Kanak Prasekolah

Keempat-empat pemboleh ubah bebas diadaptasi berdasarkan teori-teori yang telah dibincangkan di dalam bahagian kerangka teoritikal terutamanya model Kreativiti Komponential. Model Kreativiti Komponential (Urban & Jellen, 1996; 2010), menjelaskan proses dan faktor-faktor yang mempengaruhi kreativiti yang terdiri daripada faktor individu dan persekitaran. Persekitaran rumah dan amalan pengajaran guru memainkan peranan yang penting dalam pemupukan kreativiti kanak-kanak. Begitu juga dengan penerimaan sosial kerana kanak-kanak juga berkembang dalam persekitaran sosial terutama dengan ibu dan keluarga serta rakan sebaya.

Hujah ini diperkuatkan lagi dengan teori Vygotsky (1978), yang mengatakan bahawa aspek perkembangan kreativiti bukan dari konstruk kognitif sahaja tetapi konstruk sosiobudaya. Perkembangan kreatif individu berlaku dengan situasi dan keadaan sosial yang menggalakkan. Perkara ini kerana kreativiti bukan merupakan sesuatu yang wujud dan dilahirkan dalam operasi otak manusia semata-mata atau berkait rapat dengan proses penyampaian idea dan pemikiran sahaja tetapi ia melibatkan perkongsian pengalaman dan keinginan seseorang melalui penerokaannya dengan idea, bahan, media, teknik untuk persembahan atau penghasilan sesuatu yang baru, asli dan bernilai. Penerimaan sosial yang baik menunjukkan kanak-kanak tersebut mempunyai hubungan sosial yang baik yang akan membantu proses perkembangan kreativiti berjalan dengan lancar. Ini jelas menunjukkan kesemua pemboleh ubah saling berkerjasama untuk menghasilkan kanak-kanak yang lebih kreatif.

Model Kreativiti Komponential Urban (1991) dan Urban & Jellen (1996, 2010), yang terdiri daripada enam komponen interaktif iaitu; 1) *divergent thinking and acting*, 2) *general knowledge thinking base*, 3) *specific knowledge base and area specific skills*, 4) *focusing and task commitment*, 5) *motivation and motives*, dan 6) *openness and tolerance of ambiguity* menjelaskan kesemua komponen perlu saling bekerjasama sebagai satu sistem dan satu-satu komponen sahaja tidak mencukupi untuk proses kreatif keseluruhannya. Dalam menghasilkan proses kreatif, komponen-komponen ini mungkin digunakan dengan subkomponen yang berbeza atau kombinasi subkomponen yang berbeza. Struktur komponen atau kreativiti yang berbeza bergantung kepada faktor-faktor seperti jenis masalah, tahap atau fasa proses kreatif, jenis proses yang berkaitan dengan jenis masalah, dan persekitaran mikro atau makro.

Di sekolah, para guru boleh memupuk kreativiti kanak-kanak melalui amalan pengajaran seharian mereka dengan mengambil kira komponen-komponen tersebut seperti yang terdapat dalam soal selidik amalan pengajaran guru yang digunakan dalam kajian ini. Guru prasekolah perlu menyediakan peluang kepada murid untuk meningkatkan kemahiran berfikir kreatif dan peluang agar mereka menghayati dan menghargai nilai estetik dalam kehidupan, seterusnya meningkatkan naluri mereka untuk terus menghasilkan karya kreatif secara berterusan dan beretika (KPM, 2016). Ibu bapa juga boleh mencetuskan kreativiti kanak-kanak berdasarkan keenam-enam komponen tersebut dengan menyediakan persekitaran rumah yang boleh merangsang kreativiti kanak-kanak. Begitu juga, kedua-dua faktor guru dan persekitaran rumah mampu meningkatkan kompetensi diri kanak-kanak yang turut menjadi pemboleh ubah bebas dalam kajian ini.

Selain itu, latar belakang kajian turut mempengaruhi perkembangan kreativiti kanak-kanak prasekolah yang dikaji. Tahap pendidikan ibu bapa menentukan tahap pendapatan keluarga seterusnya mempengaruhi sikap ibu bapa dalam mendidik anak-anak. Latar belakang ibu bapa juga akan menentukan kemampuan mereka dalam menyediakan persekitaran rumah dengan pelbagai rangsangan untuk anak-anak mereka. Secara tidak langsung, faktor latar belakang ibu bapa juga akan turut mempengaruhi perkembangan kompetensi diri dan penerimaan sosial dalam diri

kanak-kanak. Seterusnya, lokasi juga menentukan tahap kemudahan dan persekitaran kawasan di mana kanak-kanak membesar yang turut mempengaruhi perkembangan kreativiti mereka.

Kajian ini dijalankan secara kuantitatif dan disokong oleh kajian kualitatif serta berfokus kepada aspek persekitaran rumah, amalan pengajaran guru, kompetensi dan penerimaan sosial. Kreativiti kanak-kanak pula merupakan pemboleh ubah bersandar yang dikaji dan dibahagikan kepada tujuh kategori seperti yang digariskan oleh Urban & Jellen (1996; 2010), berdasarkan skor keseluruhan ujian yang diperolehi. Secara khususnya, kerangka konseptual kajian ini memberi petunjuk tentang perancangan kajian yang akan dijalankan selaras dengan objektif dan persoalan yang dibina. Berdasarkan penerangan di atas, pengkaji mengandaikan bahawa kreativiti dipengaruhi oleh persekitaran atau faktor luaran bersama-sama dengan faktor dalam diri kanak-kanak itu sendiri termasuk kompetensi diri. Oleh itu, kajian ini amat perlu dijalankan sebagai usaha awal dalam pemupukan kreativiti kanak-kanak kerana hasilnya hanya akan dapat dilihat dalam jangka masa yang lama.

Kajian kreativiti selalu dikategorikan dengan berfokus kepada empat pemboleh ubah yang berbeza iaitu; 1) orang/ *person*, 2) proses, 3) produk, dan 4) persekitaran/ *press* (Davis & Rimm, 2004). Komponen orang/ *person* menekankan ciri-ciri personaliti dalaman bagi individu kreatif. Komponen proses pula melihat proses dalaman yang berlaku semasa ekspresi kreatif, komponen produk pula dengan melihat atau meneroka ciri-ciri produk yang dianggap sebagai kreatif, dan komponen persekitaran/ *press*, menyiasat bagaimana persekitaran boleh mempengaruhi kreativiti. Ps 4 ini tidak boleh dianggap sebagai jenis kreativiti yang berasingan, tetapi sebaliknya sebagai titik fokus yang berpotensi bagi pengkaji yang melaluinya boleh mereka bentuk, meneroka, dan mentafsir penyiasatan kreativiti. Melihat kreativiti dari kanta berpotensi ini adalah konsisten dengan pemahaman pelbagai dimensi kreativiti (Miller et al., 2012).

Walaupun komponen-komponen ini sering dikemukakan sebagai kategori yang berasingan, namun adalah penting untuk meneroka bagaimana komponen-komponen ini berinteraksi dalam manifestasi kreativiti. Sebagai contoh, komponen orang boleh memberikan kesan kepada proses, seterusnya boleh mempengaruhi produk akhir, dan kesemua komponen ini juga turut dipengaruhi oleh keadaan persekitaran/ *press*. Kajian ini cuba untuk memeriksa satu potensi hubungan dalam kalangan komponen-komponen ini dengan menyiasat bagaimana komponen persekitaran/ *press* rumah, amalan pengajaran guru dan rakan sebaya bersama-sama dengan komponen orang/ *person* iaitu kompetensi boleh memberi kesan kepada kreativiti kanak-kanak prasekolah.

1.10 Rumusan Bab

Bab pertama kajian ini dimulakan dengan pengenalan kepada kepentingan kreativiti kepada kanak-kanak. Bahagian ini telah mengemukakan secara ringkas tentang latar belakang kajian. Pemupukan kreativiti kanak-kanak yang bakal mewarisi kepimpinan negara akan menentukan hala tuju dan maju atau mundurnya sesebuah negara. Pernyataan masalah, tujuan kajian, persoalan kajian dan hipotesis kajian juga dijelaskan. Dalam kajian ini, pengkaji meninjau perkaitan dan perbezaan tahap kreativiti dalam kalangan kanak-kanak prasekolah yang berlainan dari segi persekitaran rumah, amalan pengajaran guru dan kompetensi diri kanak-kanak. Kajian ini juga ingin meninjau halangan-halangan yang dihadapi oleh guru dalam usaha memupuk kreativiti kanak-kanak prasekolah.



RUJUKAN

- Abra, J., & Valentine-French, S. (1991). Gender differences in creative achievement: A survey of explanations. *Genetic, Social & General Psychology Monographs*, 117(3), 233–284.
- Agarwal, S., & Kumari, S. (1982). A correlational study of risk-taking and creativity with special reference to sex differences. *Indian Educational Review*, 17(3), 104–110.
- Ahmad Mahdzan Ayob. (2005). *Kaedah pengkajian sosioekonomi*. Edisi ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Akinboye, J. O. (1982). Correlates of testing time, age, sex in the Nigerian's performance on the Torrance Tests of Creativity. *Journal of Psychological Researcher*, 26(1), 1–5.
- Al Thani, T. J. (2010). Investigating Teachers ' Practices of Creative thinking Skills in Qatari Preschools. *The International Journal of Learning*, 17(5), 221–230.
- Alegre, A. (2011). Emotional Intelligence: What do We Know? *The Family Journal*, 19(56), 56–62.
- Amabile, T. M. (1982). Social psychology of creativity: A consensual assessment technique. *Journal of Personality and Social Psychology*, 43, 997–1013.
- Amabile, T. M. (1983). Social psychology of creativity: A componential conceptualization. *Journal of Personality and Social Psychology*, 45, 357–377.
- Amabile, T. M. (2012). *Componential Theory of Creativity* (No. 12–096, April 2012). Retrieved from [http://www.hbs.edu/faculty/Publication Files/12-096.pdf](http://www.hbs.edu/faculty/Publication%20Files/12-096.pdf).
- Amabile, T. M., & Pillemer, J. (2012). Perspectives on the Social Psychology of Creativity. *Journal of Creative Behavior*, 46(1), 3–15.
- Amabile, T. M. (1990). Within you, without you: The social psychology of creativity and beyond. In M. A. Runco & R. S. Albert (Eds.). In *Theories of creativity* (pp. 61–91). Newbury, Park, CA: Sage.
- Amabile, T. M. (1993). Motivational synergy: Toward new conceptualization. *Human Resource Management Review*, 3, 185–201.
- Amabile, T. M. (1996). *Creativity in context: Update to the social psychology of creativity*. Boulder, CO: Westview.
- Amabile, T. M. (2005). Affect and creativity at work. *Administrative Science Quarterly*, 50(2005), 367–403.

- Ann Mean, L. (2008). *On Creativity: Awakening the Creative Mind*. Subang Jaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Ary, D., Jacobs, L. C., Razavieh, A., & Sorensen, C. K. (2006). *Introduction to Research in Education. Seventh Edition*. Canada: Thompson Wardsworth.
- Ary, D., Jacobs, L. C., Sorensen, C. K., & Waiker, D. A. (2013). *Introduction to Research in Education* (Edisi ke-9). Wadsworth: Cengage Learning. Retrieved from <http://www.modares.ac.ir/uploads/Agr.Oth.Lib.12.pdf>.
- Azman, I. (2012). *Kesan Inovasi MTEP LK dalam pengajaran dan pembelajaran lukisan kejuruteraan dalam kalangan pelajar tingkatan Empat di Sekolah Menengah Teknik*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azrina, S. (2011). *Islam, Kreativiti dan Inovasi*. Kuala Lumpur: IKIM.
- Bachtold, L. (1974). The creative personality and the idea pupil revisited. *Journal of Creative Behavior*, 8, 47–54.
- Baer, J., & Kaufman, J. C. (2008). Gender differences in creativity. *The Journal of Creative Behavior*, 42(2), 75–105.
- Balakrishnan, G. (2002). *Penilaian Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Secara Kreatif & Kritis dalam Mata pelajaran Sejarah KBSM Tingkatan 4: Satu Kajian Kes di Daerah Tampin & Rembau, Negeri Sembilan*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bartlett, J. E., Kotlik, J. W., & Higgins, C. C. (2001). Organizational research: Determining appropriate sample size in survey research. *Information Technology, Learning and Performance Journal*, 19(1), 43–50.
- Beal, O. (1998). *Assessing the creative abilities of primary school children*. University of Central Lancashire. Retrieved from [http://clock.uclan.ac.uk/7759/1/Olena Beal Sep98 Assessing the creative abilities of primary school children M Phil unpublished Sep98 University of Central Lancashire unknown 236.pdf](http://clock.uclan.ac.uk/7759/1/Olena%20Beal%20Sep98%20Assessing%20the%20creative%20abilities%20of%20primary%20school%20children%20M%20Phil%20unpublished%20Sep98%20University%20of%20Central%20Lancashire%20unknown%20236.pdf)
- Beaton, D. E., Bombardier, C., Guillemin, F., & Ferraz, M. B. (2002). Guidelines for the process of cross-cultural adaptation of self-report measures. *Pub Med Dec15;25(24):3186-91*. Raz, M.B. 2000. *Guidelines for the Process of Cross-Cultural Adaptation of Self-Report Measures*. *Pub Med Dec 15;25(24):3186-91*, Beaton, D.(15;25(24):3186-91), 3186–91.
- Beghetto, R. A. (2005). Does Assessment Kill Student Creativity? *The Educational Forum*, 69(3), 254–263.
- Beghetto, R. A. (2007). Does creativity have a place in classroom discussions? Prospective teachers' response preferences. *Thinking Skills and Creativity*, 2(1), 1–9. <https://doi.org/10.1016/j.tsc.2006.09.002>.

- Beghetto, R. A. (2013). Nurturing creativity in the micromoments of the classroom. In K.H. Kim, J.C. Kaufman, J. Baer and B. Sriraman (Eds). In *Creatively Gifted Students are not like Other Gifted Students: Research, Theory and Practice*. (pp. 3–16). Rotterdam/Boston/Taipei: Sense Publishers.
- Beghetto, R. A. (2006). Creative self-efficacy: Correlates in middle and secondary students. *Creativity Research Journal*, 18(4), 447–457.
- Beghetto, R. A., Kaufman, J. C., & Baxter, J. (2011). Answering the unexpected questions: Exploring the relationship between students' creative self-efficacy and teacher ratings of creativity. *Psychology of Aesthetics, Creativity, and the Arts*, 5(4), 342–349.
- Bender, S. W., Nibbelink, B., & Towner-Thyrum, E Vredenburg, D. (2013). Defining characteristics of creative women. *Creativity Research Journal*, 25(1), 38–47.
- Bergen, D. (2009). Play as the learning medium for future scientists, mathematicians and engineers. *American Journal of Play*, 1(4), 413–428. Retrieved from <http://americanjournalofplay.org>.
- Berk, L. E. (2003). *Child development* (6th Ed). Boston: Allyn and Bacon.
- Bhasah Abu Bakar. (2003). *Asas pengukuran bilik darjah*. Tg. Malim: Quantum Books.
- Bierly, P. E., Kolodinsky, R. W., & Charette, B. J. (2009). Understanding the Complex Relationship Between Creativity and Ethical Ideologies. *Journal of Business Ethics*, 86(1), 101–112.
- Black, S. (2003). The Creative classroom. *American School Board Journal*, September, 68–70.
- Bohm, A. (1998). *On Creativity*. New York: Harper and Row, Publishers.
- Bradley, R., & Caldwell, B. (1984). 2-174 Children: A Study of relationship between home environment and cognitive development during the first 5 years. In A.W. Gottfried (Ed.). In *Home environment and early cognitive development* (pp. 5–56). New York: Academic Press.
- Brock, A., Sylvia, D., Jarvis, P., & Olusoga, Y. (2009). *Perspectives on play: Learning for life*. England: Pearson Education Limited.
- Bronfenbrenner, U. (1979). *The ecology of human: Bioecological perspectives on human development*. Cambridge, MA: Harvard University Press.
- Bronfenbrenner, U. (1986). Ecology of the family as a context for human development: Research perspectives. *Developmental Psychology*, 22, 723–742.

- Bronfenbrenner, U. (1989). Ecological systems theory. In: Vasta, R. (ed). *Six Theories of Child Development: Revised Formulations and Current Issues.*, 6.
- Bronfenbrenner, U. (1995). Developmental Ecology Through Space and Time: A Future Perspective. In P.Moen. G. H. Elder, Jr., & K., Luscher (Eds),. In *Examining lkvcs in context: Perspectives on the eccology of human development* (pp. 619–647). Washington, DC: Amarican Psychological Association. Retrieved from [http://readtogether.uncg.edu/hdf/facultystaff/Tudge/Bronfenbrenner 1995.pdf](http://readtogether.uncg.edu/hdf/facultystaff/Tudge/Bronfenbrenner%201995.pdf).
- Bronfenbrenner, U. (2005). *Making human beings human: Bioecological perspectives on human development*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Bronfenbrenner, U., & Morris, P. (1998). The ecology of developmental processes. In RM. Lerner (Ed.). In *Theorectical models of human development* (pp. 993–1028). New York: Wiley.
- Bronson, P., & Merryman, A. (2010). The Creativity Crisis. Retrieved from <https://goo.gl/isRjGP>.
- Burnard, P., & White, J. (2008). Creativity and performativity: counterpoints in British and Australian education. *British Educational Research Journal*, 34(5), 667–682.
- Butcher, J. L., & Niec, L. N. (2005). Disruptive Behaviors and Creativity in Childhood: The Importance of Affect Regulation Disruptive Behaviors and Creativity in Childhood. *Creativity Research Journal*, 17(2–3), 181–193.
- Cacha, F. B. (1971). *A study oF the relation of creative thinking abilities to Personal factors and peer nominations of fifth grade children*. New York University.
- Caldwell, B., & Bradley, R. (1984). Home observation for measurement of the environment. Available from the centre for research on teaching and learning: University of Arkansas at Little Rock.
- Caldwell, B. M., & Bradley, R. H. (2003). *Home Observation for Measurement of the Environment: Administration Manual*. Tempe, AZ: Family & Human Dynamics Researchs Institute, Arizona State University.
- Cameron, C. E., & Morrison, F. J. (2011). Teacher Activity Orienting Predicts Preschoolers ' Academic and Self-Regulatory Skills. *Early Education & Development*, 22(4), 620–648.
- Cameron, P. A. (2010). *Preschool Environments, Relationships and Creative Skills*. Walden University.
- Carter, D. (1985). Relationships between cognitive flexibility and sex-role orientation in young adults. *Psychological Reports*, 57(3), 763–766.

- Chae, S. (2003). Adaptation of a picture-type creativity test for pre-school children. *Language Testing*, 20(2), 178–188.
- Chambers, C. T., & Craig, K. D. (1998). An intrusive impact of anchors in children's faces pain scales. *Pain*, 78, 27–37.
- Chan, D. W. (2005). Family Environment and Talent Development of Chinese Gifted Students in Hong Kong. *Gifted Child Quarterly*, 49(3), 211–221.
- Chávez-Eakle, R. A., Eakle, A. J., & Cruz-Fuentes, C. (2012). The Multiple Relations Between Creativity and Personality. *Creativity Research Journal*, 24(1), 76–82.
- Chervenak, R. (2011). *Play In Kindergarten: Perspectives of a Full- and Half-day Kindergarten Teacher*. State University. Retrieved from <http://etd.ohiolink.edu/send->
- Cheung, P. C., & Lau, S. (2010). Gender differences in the creativity of Hong Kong school children: Comparison by using the new electronic Wallach-Kogan Creativity Tests. *Creativity Research Journal*, 22(2), 194–199.
- Cheung, P. C., Lau, S., Chan, D. W., & Wu, W. Y. H. (2004). Creative potential of school children in Hong Kong: Norms of Wallach-Kogan creativity Test and their implications. *Creativity Research Journal*, 16, 69–78.
- Chien, C., & Hui, A. N. N. (2010). Creativity in early childhood education: Teachers' perceptions in three Chinese societies. *Thinking Skills and Creativity*, 5(2), 49–60.
